

Laporan Tahunan 2011 Annual Report

PERBADANAN ASET KERETAPI | RAILWAY ASSETS CORPORATION

www.rac.gov.my

LAPORAN TAHUNAN 2011
Annual Report

Kandungan

01 Visi, Misi, Objektif & Moto

02 Perutusan Pengerusi

04 Ahli-ahli Lembaga Pengarah

12 Pengenalan

14 Punca Kuasa PAK

14 Piagam Pelanggan

14 Dasar Kualiti

14 Bidang Tugas Mengikut Peruntukan Akta Keretapi 1991

15 Pengurusan PAK

23 Pengurusan dan Pembangunan Hartanah

37 Pengurusan Kewangan dan Akaun



Visi

Peneraju Pengurusan Aset Keretapi Secara Holistik Menjelang 2015.

Misi

Mewujudkan sistem pengurusan aset keretapi yang sistematik dan berkesan.

Memaju dan memajukan semula infrastruktur keretapi selaras dengan keperluan sektor keretapi.

Memastikan liabiliti diuruskan secara teratur.

Objektif

Mewujudkan satu sistem pengurusan aset keretapi yang sistematik dan berkesan, memaju dan memajukan semula infrastruktur keretapi serta menguruskan liabiliti secara teratur.

Moto

"Mengungguli Pengurusan Aset Keretapi Negara".

Perutusan Pengerusi

> PAK juga telah berusaha dengan gigih dan bersungguh-sungguh dalam usaha Perbadanan ini membina asas yang kukuh dan memantapkan tadbir urus.

Pengerusi
PERBADANAN ASET KERETAPI

Salam sejahtera dan Salam 1 Malaysia.

Bagi pihak Perbadanan Aset Keretapi (PAK), saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan PAK bagi tahun 2011. Laporan tahunan ini merupakan satu wadah bagi menerangkan pencapaian PAK dalam pengurusan dan pembangunan aset-aset keretapi Negara. Pencapaian yang diperolehi ini akan menjadi kayu ukur kepada PAK untuk merealisasikan moto Perbadanan ini iaitu 'Mengungguli Pengurusan Aset Keretapi Negara' sekaligus memacu azam warga kerjanya untuk terus berkhidmat dengan penuh komitmen dan cemerlang dalam menghadapi pelbagai cabaran dalam era globalisasi hari ini.

Secara keseluruhannya, usaha-usaha PAK pada tahun 2011 untuk menguruskan aset-aset keretapi secara bersepadu, sistematik dan lebih efisien adalah membanggakan. PAK juga telah berusaha dengan gigih dan bersungguh-sungguh dalam usaha Perbadanan ini membina asas yang kukuh dan memantapkan tadbir urus. Secara peribadi, saya amat berpuas hati melihat pencapaian yang telah dikecapi PAK sepanjang tahun 2011.

Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua pihak, khususnya kepada

warga kerja PAK yang telah menyumbang kepada kejayaan PAK sepanjang tahun 2011.

PRESTASI PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN ASET-ASET KERETAPI

Sepanjang tahun 2011, aktiviti penyewaan masih lagi menjadi *core business* utama PAK dalam menjana pendapatan Kerajaan. Pada tahun semasa, jumlah permohonan sewa telah meningkat sekali ganda menjadikan jumlah permohonan mencecah sebanyak 256 berbanding tahun sebelumnya iaitu 124 jumlah permohonan. Daripada jumlah itu, sebanyak 198 permohonan sewa telah diluluskan di mana jumlah itu mencatat peningkatan yang memberangsangkan iaitu sebanyak 81.8 peratus berbanding hanya 44 permohonan yang diluluskan pada tahun 2010.

Jumlah peningkatan permohonan sewa yang diterima dan diluluskan itu adalah hasil tindakan penguatkuasaan yang proaktif hasil kerjasama erat dengan agensi-agensi penguatkuasaan yang lain. Selain itu, aktiviti bancian juga menjadi faktor kepada peningkatan jumlah permohonan sewa. Sebagai contoh untuk Projek Landasan Berkembar Elektrik (PLBE) Gemas – Johor Baharu, sebanyak 1,500 bancian telah dibuat pada tahun 2011. Bancian juga dilakukan terhadap penduduk-penduduk setinggan yang tinggal di sepanjang jajaran keretapi. Dengan adanya aktiviti ini, PAK dapat mengenalpasti dan mengumpul data mengenai individu atau syarikat yang menduduki tanah-tanah keretapi.

Selain daripada aktiviti penyewaan, core business PAK juga melibatkan aktiviti pembangunan di atas tanah-tanah keretapi. Aktiviti pembangunan melalui kaedah pajakan jangka panjang atau pembangunan usahasama akan meningkatkan nilai tanah dan secara tidak langsung akan memberi pulangan/keuntungan yang tinggi kepada pihak Kerajaan/PAK memandangkan tanah-tanah ini terletak di kawasan yang berpotensi tinggi seperti di Lot PT 103, Bandar Kuala Lumpur, Lot 5 dan Lot 940, Seksyen 88, Ampang, Lot PT 25 dan Lot PT 26, Seksyen 55, Brickfields dan Lot 4054 & 3930, Bandar Seremban, Negeri Sembilan.

Satu lagi aktiviti pembangunan yang sedang giat dijalankan ialah peningkatan kemudahan pengangkutan awam yang melibatkan sektor rel (keretapi). Aktiviti pembangunan ini melibatkan Projek Landasan Berkembar Elektrik Seremban – Gemas dan Gemas – Johor Bahru, projek pengukuhan landasan dan jambatan keretapi, projek membina dan menaiktaraf stesen keretapi baru dan projek membina dan menaiktaraf tempat letak kereta bertingkat *(Park n Ride)* di stesen-stesen komuter yang dilaksanakan di bawah Inisiatif *National Key Result Area* (NKRA).

Pada tahun 2011, PAK juga telah membuat kajian dan penilaian berhubung beberapa cadangan pembangunan di atas tanah keretapi oleh syarikat swasta. Selain PAK, cadangan pembangunan tanah tersebut juga turut diperhalusi oleh Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT), Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB), Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dan Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Jabatan Perdana Menteri bagi mendapatkan satu konsep pembangunan 'Transit Oriented Development' yang mengambilkira integrasi di antara kemudahan pengangkutan awam (keretapi, bas, teksi dan lain-lain) dengan cadangan pembangunan daripada pihak swasta dalam bentuk komersial dan pembangunan bercampur. Antara cadangan-cadangan pembangunan oleh pihak swasta yang masih di peringkat kajian terperinci adalah Cadangan Pembangunan Hub Pengangkutan Subang di atas Lot 20924 dan Lot 20925, Mukim Damansara, Selangor dan Cadangan Pembangunan Hub Pengangkutan Bersepadu Seremban Sentral, Bandar Seremban, Negeri Sembilan.

Sebelum saya mengakhiri kata-kata ini, sekalung ucapan tahniah dan tinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua staf PAK yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penerbitan Buku Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan 2011.

Sekian, terima kasih.

Y.BHG. DATO LONG SEE WOOL
Pengerusi Perbadanan Aset Keretapi

Ahli-ahli Lembaga Pengarah

Pengerusi Lembaga Pengarah
Y.BHG. DATO' LONG SEE WOOL
Ketua Setiausaha
Kementerian Pengangkutan
(Tempoh : 26 Januari 2011 hingga 25 Januari 2012)

Ahli Lembaga Pengarah
Y. BHG. DATUK HAJI KAMARUZAMAN
BIN HAJI MOHD NOOR
Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan)
Kementerian Pengangkutan Malaysia
(Tempoh : 15 Oktober 2010 hingga 11 September 2011)

Ahli Lembaga Pengarah
PUAN NORANI BT IBRAHIM
(Pengarah Khidmat Korporat Dan Antarabangsa)
Unit Perancang Ekonomi
(Tempoh : 29 November 2011
Hingga 28 November 2013)

Ahli Lembaga Pengarah
DATUK HIMMAT SINGH A/L RALLA SINGH
(Timbalan Ketua Pengarah Ii)
Unit Perancang Ekonomi
(Tempoh : 15 September 2009
Hingga 14 September 2011)

Ahli Lembaga Pengarah
Y.BHG. DATO' AZEMI BIN KASIM
(Ketua Pengarah Tanah Dan Galian
Persekutuan) Jabatan Ketua Pengarah Tanah
Dan Galian Persekutuan
(Tempoh : 15 Januari 2011
Hingga 14 Januari 2013)

Ahli Lembaga Pengarah
ENCIK GUNASEELAN A/L K.KUNJAN
Timbalan Setiausaha Bahagian Analisa Cukai
Seksyen Cukai Langsung & Cukai
Tidak Langsung Kementerian Kewangan
(Tempoh : 15 Oktober 2009 Hingga 14 Oktober 2011)

Ahli Lembaga Pengarah
DATO' ROHAINI BINTI MOHD YUSOF
Setiausaha Bahagian Darat Kementerian Pengangkutan
(Tempoh : 15 Oktober 2009
Hingga 14 Oktober 2011)

Ahli Ex-Officio
ENCIK ABDUL KADIR BIN AB LATIFF
Pengurus Besar
Perbadanan Aset Keretapi

Pengurusan Tertinggi

Dari Kiri

EN. ABDUL KADIR BIN AB LATIFF
Pengurus Besar
Perbadanan Aset Keretapi

EN. MOHAMAD RIDZUAN BIN ISMAIL
Pengurus Kanan Hartanah M52

EN. HAZLAN BIN ABDUL AZIZ
Pengurus Pentadbiran dan Kewangan M48

Pejabat Pengurus Besar

Unit Undang-Undang

Unit Hal Ehwal Korporat

Dari Kiri

PEJABAT PENGURUS BESAR
Pn. Rosnisa Binti Mohamed Asli
Pembantu Setiausaha Pejabat Gred N22

UNIT UNDANG-UNDANG
Cik Najah Inani Binti Abdul Jalil
Pegawai Undang-Undang Gred L41

Pn. Norsaidatul Azrani Binti Hamzah
Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17 (KUP)

UNIT HAL EHWAL KORPORAT
Pn. Ane Salfarizan Binti Mispani
Pegawai Penerangan Gred S41

Bahagian Khidmat Pengurusan

Unit Pengurusan Maklumat

Unit Pentadbiran

UNIT PENGURUSAN MAKLUMAT

Dari Kiri

Pn. Nor Zawani Binti Ab Wahab
Pegawai Teknologi Maklumat Gred F41

*Tiada dalam gambar
En. Mohd. Nur Firdaus Bin Samsudin
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred F29

UNIT PENTADBIRAN

Pn. Hasmaliana Binti Hashim
Penolong Pegawai Tadbir (Pentadbiran) Gred N27

En. Mohd Rosni Bin Jamal
Pembantu Tadbir Kanan Gred N22

En. Faridzul Izmawan Bin Albakhri
Pembantu Am Pejabat Gred N1

Pn. Shela Binti Saari
Pegawai Tadbir (Pentadbiran) Gred N41

Duduk dari Kiri
Pn. Normahinawati Binti A.Ghaffar
Pembantu Setiausaha Pejabat Gred N17

Pn. Zaridah Binti Ibrahim
Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17

*Tiada dalam gambar
En. Azmi Bin Ismail
Pemandu Kenderaan Gred R3

En. Ab Azizi Bin Abdullah
Pemandu Kenderaan Gred R3

Bahagian Khidmat Pengurusan

Unit Kewangan & Akaun

Dari Kiri

UNIT KEWANGAN & AKAUN

Cik Hasnoor Azliani Binti Ahmad Shukri
Penolong Akauntan (Kewangan) Gred W27

Pn. Muzieana Binti Mohid@Mohamad
Akauntan Gred W41

En. Rosdan Bin Ahmad
Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17

En. Nurussalehin Bin Ibrahim
Akauntan Gred W41 (KUP)

Pn. Maziana Binti Jamaluddin
Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17

Pn. Zahariah Binti Mohamed Alwi
Penolong Akauntan (Akaun) Gred W27

*Tiada dalam gambar
En. Mohamad Fadzil Bin Shaheri
Pembantu Am Pejabat Gred N1

Bahagian Pengurusan Hartanah

Dari Kiri

BAHAGIAN PENGURUSAN HARTANAH

Pn. Syazwani binti Alias
Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17

En. Muhammad Azam bin Azmi
Pembantu Am Pejabat Gred N1

En. Mohamad Ridzuan bin Ismail
Pengurus Kanan Hartanah Gred M52

En. Mohd Ghazali bin Aman
Pegawai Tadbir (Hartanah) Gred N41

Pn. Noraini binti Sulaiman
Pegawai Penilaian Gred W41

*Tiada dalam gambar
En. Muzaffar Bin Mispani
Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17

Pn. Sharifah Soraiya Binti Syed Abdullah
Penolong Pegawai Tadbir (Hartanah) Gred N27

Bahagian Pembangunan Hartanah

Dari Kiri

BAHAGIAN PEMBANGUNAN HARTANAH

En. Noorul Fitri Bin Md. Salleh
Penolong Juruukur Gred J29

En. Norulazwar Bin Ismail
Penolong Jurutera Gred J29

En. Azmel Yamin Bin Wahab
Jurutera Gred J44

Cik Tan Lai Kum
Jurutera (Pembangunan) Gred J41

Pn. Norafiza Binti Ngah
Juruteknik Gred J17

*Tiada dalam gambar
Pn. Norizam Binti Abd Kadir
Jurutera (Teknikal) Gred J41

En. Mohamad Nazri Bin Samsi
Pembantu Am Pejabat Gred N4

PERBADANAN ASET KERETAPI

PENGENALAN

1.1 Perbadanan Aset Keretapi (PAK) merupakan sebuah Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Keretapi 1991 (Akta 463) dan berkuatkuasa pada 1 Ogos 1992. PAK telah diwartakan melalui Warta Kerajaan No.16, Jilid 36 pada 30 Julai 1992 dan mula beroperasi secara rasminya sebagai sebuah organisasi pada 1 Ogos 1992 serentak dengan pengkorporatan Keretapi Tanah Melayu (KTM). PAK ditubuhkan hasil daripada langkah Kerajaan untuk mengkorporatkan pentadbiran KTM – sebuah agensi milik Kerajaan yang diwujudkan untuk membantu industri perkeretapian negara berkembang maju dan berdaya saing setanding dengan industri keretapi di negara-negara maju. Hasrat ini dilaksanakan melalui penggubalan Akta Keretapi 1991 dan pemansuhan Ordinan Keretapi 1948 di mana tiga (3) entiti utama diwujudkan iaitu :

a) Jabatan Keretapi Malaysia
Agensi kawal selia dan keselamatan keretapi.

b) Perbadanan Aset Keretapi
Agensi yang bertanggungjawab ke atas pengurusan dan pentadbiran aset-aset keretapi.

c) Keretapi Tanah Melayu Berhad
Merupakan organisasi pengganti bagi menjalankan operasi keretapi.

1.2 Melalui pengkorporatan tersebut, segala harta dan aset-aset keretapi yang dahulunya di bawah Pentadbiran KTM dan tanah keretapi di bawah Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) adalah terletak hak kepada PAK, manakala operasi perkhidmatan keretapi dikendalikan oleh Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB). Dalam erti kata lain, PAK merupakan sebuah agensi Kerajaan yang diwujudkan untuk bertindak sebagai *caretaker* dan perancang perniagaan untuk menjaga dan menterjemahkan aset-aset keretapi kepada sesuatu harta yang bernilai dan mampu menjana pendapatan yang berterusan kepada Kerajaan. Keputusan Kerajaan untuk mengkorporatkan KTM adalah untuk mengurangkan kebergantungan industri perkeretapian negara kepada Kerajaan sepenuhnya. Program pengkorporatan KTM antara lainnya merupakan satu daripada usaha untuk menjadikan KTM sebagai sebuah syarikat yang berdaya saing serta setanding dengan penyedia perkhidmatan *(service provider)* keretapi milik swasta yang lain di Malaysia.

1.3 Dengan terlaksananya program pengkorporatan ini, maka tugas dan tanggungjawab PAK adalah seperti berikut:

i. Meletakkan pengurusan aset, hak dan liabiliti Pentadbiran KTM sebelum 1 Ogos 1992 kepada PAK supaya syarikat pengganti (iaitu KTMB) bebas daripada tanggungan hutang dan kos-kos bukan operasi yang membebankan;

ii. melaksanakan tanggungjawab memaju dan memajukan semula infrastruktur keretapi supaya syarikat pengganti (iaitu KTMB) dapat memberikan tumpuan sepenuhnya kepada operasi dan perkhidmatan keretapi di negara ini; dan

iii. membiayai pembangunan infrastruktur keretapi yang telah dipertanggungjawabkan melalui sumber-sumber yang diperolehi daripada aktiviti-aktiviti penyewaan, pajakan dan peruntukan Kerajaan.

1.4 Pada masa ini, PAK diterajui oleh tujuh (7) orang Lembaga Pengarah bukan eksekutif terdiri daripada wakil-wakil pelbagai Kementerian dan agensi-agensi Kerajaan. Pelantikan kesemua Lembaga Pengarah PAK adalah selaras dengan Seksyen 89(2) Akta Keretapi 1991 (Akta 463) yang mana ianya perlu dilantik oleh Menteri Pengangkutan seperti berikut:

i. Seorang wakil Kementerian Pengangkutan;
ii. seorang wakil Perbendaharaan;
iii. seorang wakil Unit Perancang Ekonomi;
iv. Ketua Pengarah Tanah dan Galian;

v. Pengurus Besar Perbadanan Aset Keretapi hendaklah menjadi anggota *ex-officio*; dan

vi. tidak lebih daripada dua orang anggota lain.

1.5 Menyedari hakikat bahawa tanggungjawab dan peranan yang dimainkan oleh PAK semakin penting, maka PAK telah menambah jumlah perjawatan daripada 16 orang kepada 38 orang. Langkah yang diambil ini adalah bagi memastikan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan kepada PAK dapat dilaksanakan dengan sempurna dan dengan jayanya. Kini, operasi PAK dilaksanakan oleh 38 staf yang meliputi kumpulan Pengurusan Tertinggi, Pengurusan dan Profesional, Sokongan I dan II. Ringkasan mengenai perjawatan di PAK adalah seperti jadual 1 di bawah:-

JAWATAN	JUMLAH (orang)
Pengurus Besar Gred Utama C (Terbuka)	1
Pengurus Kanan Hartanah Gred M52 (Terbuka)	1
Pengurus Pentadbiran dan Kewangan Gred M48 (Terbuka)	1
Pengurus Hartanah M44 (Terbuka)	1
Jurutera Gred J44	1
Pegawai Tadbir Gred N41	2
Jurutera Gred J41	2
Pegawai Penilai Gred W41	1
Akauntan Gred W41	1
Akauntan Gred W41 (KUP)	1
Pegawai Teknologi Maklumat Gred F41	1
Pegawai Penerangan Gred S41	1
Pegawai Undang-Undang Gred L41	1
Penolong Jurutera Gred J29	2
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred F29	1
Penolong Pegawai Tadbir Gred N27	2
Penolong Akauntan Gred W27	2
Pembantu Setiausaha Pejabat Gred N22	1
Pembantu Tadbir (P/O) Gred N22	1
Pembantu Setiausaha Pejabat Gred N17	1
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N17	5
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N17 (KUP)	1
Juruteknik Gred J17	1
Pembantu Am Pejabat Gred N4	1
Pembantu Am Pejabat Gred N1	3
Pemandu Gred R3	2
JUMLAH	38 orang

Jumlah perjawatan di PAK bagi tahun 2011

1. Punca Kuasa Pak

1.1.1 Punca kuasa PAK seperti yang terdapat dalam Akta Keretapi 1991 (Akta 463), merangkumi bidang-bidang berikut:-

i. memegang dan menikmati harta alih dan harta tak alih [Sek. 89 (1)]
ii. keanggotaan dan fungsi [Sek. 89(2) dan 89(8)]
iii. pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif [Sek. 90(1)]
iv. peletakhakkan harta kepada PAK [Sek. 92(2) dan 93]
v. segala liabiliti yang dikuatkuasakan terhadap PAK atau Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) (Sek. 95)
vi. pelantikan kakitangan [Sek. 96(1)]
vii. penubuhan Kumpulan Wang PAK [Sek. 98(1) – 98 (4)]
viii. mengurusniagakan harta tak alih (Sek. 103)

2. Piagam Pelanggan

2.1.1 PAK sentiasa peka dengan keperluan sektor perkeretapian dan akan berusaha membantu Kerajaan membangunkan infrastruktur keretapi di negara ini. Untuk tujuan ini, PAK akan memastikan:

i. permohonan pajakan tanah keretapi diproses dalam tempoh 90 hari.
ii. permohonan sewaan tanah keretapi dan tumpang lalu akan diproses dalam tempoh 60 hari.
iii. perolehan dan pelupusan aset-aset infrastruktur keretapi melalui tender dan sebutharga diproses dalam tempoh 180 hari.
iv. permohonan pembangunan di atas tanah-tanah keretapi akan diproses dalam tempoh 180 hari.

3. Dasar Kualiti

3.1.1 PAK sentiasa komited untuk melaksanakan dan menyediakan perkhidmatan yang memenuhi kehendak dan kepuasan pelanggan menerusi perkhidmatan yang berkualiti, mematuhi akta serta peraturan yang ditetapkan. Pelaksanaan perkhidmatan di PAK adalah berasaskan kepada MS ISO 9001:2008 dengan menekankan kepada usaha-usaha penambahbaikan secara berterusan.

4. Bidang Tugas Mengikut Peruntukan Akta Keretapi 1991

4.1.1 PAK adalah sebuah Badan Berkanun Kerajaan yang ditubuhkan di bawah Akta Keretapi 1991 dan telah beroperasi secara rasminya pada 1 Ogos 1992. Fungsi-fungsi Pebadanan ini mengikut Akta Keretapi 1991 adalah seperti berikut:

Seksyen 89(8)

a) Untuk mengurus, mentadbir dan menyelenggarakan:

i) Segala harta dan hak Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu di bawah Ordinan termansuh yang menurut kuasa Seksyen 92 adalah terletak pada Perbadanan;

ii) Segala harta yang terletakhak pada, atau diperolehi oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan di bawah Ordinan termansuh yang menurut kuasa Seksyen 93 adalah terletakhak pada Perbadanan dan untuk mengurus dan mentadbir segala liabiliti berkenaan dengannya;

b) Untuk mengusahakan projek-projek bagi pemajuan atau pemajuan semula mana-mana infrastruktur atau kemudahan keretapi; dan

c) Untuk menjalankan dan melaksanakan apa-apa fungsi lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri di bawah Akta ini.

Seksyen 92(2)

Segala harta, hak dan liabiliti Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu di bawah Ordinan termansuh hendaklah apabila mula berkuatkuasanya Akta ini, terletakhak pada Perbadanan tanpa apa-apa jua pun pemindahhakan, penyerahhakan atau pemindahan dan segala sebutan mengenai “Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu”, “Keretapi Tanah Melayu”, atau “Pengurus Besar, Keretapi Tanah Melayu” berhubungan dengan mana-mana harta dalam apa-apa suratcara, suratikatan, hakmilik, dokumen atau undang-undang bertulis hendaklah ditafsirkan seolah-

olah segala sebutan sedemikian adalah sebutan mengenai “Perbadanan Aset Keretapi”

Seksyen 93

Segala harta yang terletakhak pada, dipegang atau diperolehi oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan di bawah Akta ini tanpa apa-apa jua pun pemindahhakan, penyerahhakan atau pemindahan bagi hakmilik, estet, atau kepentingan yang serupa sebagaimana ia telah terletakhak atau dipegang sebelum sahaja mula berkuatkuasanya Akta ini dan segala sebutan mengenai “Pesuruhjaya Tanah Persekutuan” berhubungan dengan mana-mana harta dalam apa-apa suratcara, suratikatan, hakmilik, dokumen atau undang-undang bertulis hendaklah ditafsirkan seolah-olah segala sebutan sedemikian adalah sebutan mengenai “Perbadanan Aset Keretapi”.

5. Pengurusan Dan Pentadbiran

Bahagian Khidmat Pengurusan merupakan tulang belakang PAK dalam mengurus, mentadbir dan menyelenggara sumber-sumber yang ada di dalam PAK. Terdapat tiga unit yang diletakkan di bawah bahagian ini iaitu Unit Pentadbiran, Unit Kewangan dan Unit Pengurusan Maklumat. Bahagian ini dipertanggungjawabkan dalam mentadbir dan mengurus sumber-sumber di PAK bagi memastikan PAK ini dapat beroperasi dengan cekap dan efisyen berpandukan kepada pekeliling-pekeliling yang digunapakai mengikut keperluan semasa PAK yang mana merupakan garis panduan yang telah ditetapkan Kerajaan. Selain itu, Bahagian Khidmat Pengurusan sentisa memastikan modal insan yang terlatih dan berinovatif dapat dilahirkan selaras dengan keadaan semasa, peredaran kualiti kerjaya serta pembangunan komunikasi dan teknologi semasa bagi meningkatkan dan membentuk imej korporat dalam membantu PAK mencapai misi dan visi yang telah ditetapkan.

5.1 Pentadbiran

Unit Pentadbiran di PAK diketuai oleh seorang Pengurus Pentadbiran dan Kewangan Gred M48 (Terbuka) dengan dibantu oleh seorang Pegawai Tadbir (N41) dan Penolong Pegawai Tadbir (N27). Di bawah struktur Unit Pentadbiran juga terdapat seorang Pembantu Tadbir Kanan (Perkeranian/Operasi) (N22), Pembantu Tadbir Pekeranian/Operasi (N17), Pembantu Setiausaha Pejabat (N17), Pembantu Am Pejabat (N1) dan dua (2) orang Pemandu (R3) bagi memastikan segala urusan Pentadbiran berjalan dengan lancar. Unit ini bertanggungjawab dalam pengurusan hal ehwal pejabat, penyelenggaraan aset alih dan pengurusan stor, pengurusan kenderaan rasmi jabatan dan pengurusan sumber manusia, perjawatan dan latihan. Fungsi utama Unit Pentadbiran seperti ringkasan gambarajah berikut:



Rajah 1 : Fungsi Utama Unit Pentadbiran

5.1.1 Perjawatan

Sehingga 31 Disember 2011, PAK mempunyai 38 orang warga kerja yang terdiri daripada seorang Pengurus Besar (Gred Utama C) yang menerajui Kumpulan Pengurusan Tertinggi, lima belas (15) pegawai daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan dua puluh empat (23) orang staf daripada Kumpulan Sokongan I dan II. Pertambahan sebanyak 22 jawatan baru di PAK ini diperolehi melalui Surat Kelulusan Perjawatan Bil K21 Tahun 2008 bertarikh 28 Julai 2008. Dengan pertambahan jawatan ini, keupayaan PAK untuk menguruskan dan membangunkan semua aset-aset keretapi yang melibatkan perlaksanaan projek-projek menaiktaraf infrastruktur keretapi seperti Projek Landasan Berkembar Elektrik (PLBE) dari Ipoh ke Padang Besar, Seremban ke Gemas dan lain-lain projek pembangunan di atas tanah-tanah milik PAK dapat dipertingkatkan.

5.1.2 Pembangunan Sumber Manusia

1.1 Untuk memastikan PAK terus beroperasi dengan cekap, berkesan dan berintegriti, Unit Pentadbiran selaku unit yang terlibat dalam pengurusan dan pembangunan sumber manusia akan memastikan setiap aktiviti yang melibatkan penggemblengan tenaga kerja diatur dan dirancang dengan teliti agar ianya dapat mencapai matlamat yang telah digariskan oleh PAK.

Sejajar dengan pertambahan bilangan staf di PAK daripada 16 kepada 38 orang, PAK kini mampu melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan dengan lebih berkesan bagi memastikan organisasi ini kekal berdaya maju seiring atau lebih baik berbanding badan berkanun lain. Sistem penyampaian perkhidmatan kepada orang ramai turut dipertingkatkan lagi dari semasa ke semasa bagi memenuhi kehendak dan kepuasan 'stakeholder' serta para pelanggan. Tanggungjawab ini dilaksanakan melalui:

i. Pemberian perkhidmatan yang berorientasikan keluaran *(output)* yang berkualiti, cepat dan menepati keperluan pelanggan.

ii. pengamalan prinsip dan budaya kerja yang cemerlang serta berkualiti;

iii. memastikan sistem dan prosedur kerja sentiasa dikemaskini dan ditambahbaik dari semasa ke semasa.

Unit Pentadbiran sedar bahawa pekerja yang terlatih merupakan aset paling penting dalam sesebuah organisasi. Justeru itu, tumpuan yang serius telah diberikan kepada bidang latihan dan kursus di mana dengan pelaksanaan aktiviti ini secara berterusan, ia berupaya melahirkan pekerja yang berinovatif dan mempunyai kemahiran serta kepakaran yang tinggi dalam sesuatu bidang. Selain itu, sebagai penyelaras kepada Pasukan Petugas Bagi Mengurangkan Karenah Birokrasi, Unit Pentadbiran juga mempunyai matlamat seperti berikut:

i. Menambahbaik sistem dan prosedur kerja bagi memastikan perkhidmatan yang cepat dan cekap kepada pelanggan, stakeholder serta memastikan tidak terdapat ruang dan peluang yang membolehkan berlakunya penyelewengan, salah guna kuasa dan rasuah;

ii. mengkaji dan mengenalpasti Akta Keretapi 1991 mengikut kesesuaian semasa tanpa menjejaskan kelancaran dan keberkesanan perkhidmatannya serta mencadangkan pindaan-pindaan yang sewajarnya kepada akta dan peraturan tersebut;

iii. mengkaji semula Piagam Pelanggan dari semasa ke semasa di samping melakukan penambahbaikan kepada perkhidmatan yang dijanjikan di bawah Piagam Pelanggan termasuk membuat analisa terhadap maklum balas yang diperolehi daripada borang aduan pelanggan;

iv. mengkaji dan menentukan bekalan peralatan yang perlu bagi meningkatkan tahap penyampaian perkhidmatan kepada orang ramai.

5.1.3 Pengemaskinian Maklumat Staf PAK

Selain kerja-kerja yang melibatkan tadbir urus pejabat, Unit Pentadbiran juga bertanggungjawab dalam hal ehwal pengurusan sumber manusia khususnya dalam urusan pengemaskinian maklumat-maklumat yang melibatkan perkhidmatan pegawai/staf. Memandangkan pengisian jawatan bagi pegawai atasan PAK adalah secara terbuka, maka maklumat-maklumat pertukaran pegawai/staf di PAK perlu dikemaskini dari semasa ke semasa. Pada masa ini, semua maklumat staf telah

dimasukkan ke dalam Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS) bagi memudahkan data peribadi staf diselenggara dan dikemaskini serta dijadikan bahan rujukan oleh JPA bermula dari tarikh pelantikan sehingga tarikh persaraan. Selain itu, segala maklumat mengenai pergerakan seseorang staf turut direkodkan dalam Buku Kenyataan Perkhidmatan yang disediakan khas untuk tujuan tersebut.

5.1.4 Pengurusan Am Pejabat

Kerajaan mempunyai harapan yang tinggi kepada semua jabatan dan agensi pelaksana agar dapat bekerjasama dan berganding bahu dalam membangunkan negara demi memastikan keselesaan dan kesejahteraan dapat dinikmati oleh rakyat.Dalam hubungan ini, PAK juga tidak ketinggalan untuk turut serta dalam melaksanakan dasar dan rancangan bagi mengoptimumkan penggunaan sumber yang ada untuk mengelakkan pembaziran dan penyalahgunaan.

Bagi merealisasikan harapan tersebut, Unit Pentadbiran sentiasa memastikan tugasan ini dilaksanakan dengan sempurna dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik melibatkan aspek-aspek berikut:

i. Menyedia dan mempamerkan Visi, Misi, Objektif, Fungsi, Piagam Pelanggan dan Carta Organisasi PAK di ruang pejabat serta memastikan semua staf memahaminya;

ii. menyediakan Pelan Strategik PAK, Pelan Strategik Sumber Manusia, Kod Etika, Key Performance Indicator (KPI), Pelan Operasi Latihan (POL) dan memastikan Fail Meja dan Manual Prosedur Kerja (MPK) setiap perjawatan sentiasa dikemaskini dari semasa ke semasa;

iii. menyediakan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) Jabatan dan memastikan setiap pegawai mempunyai SKT masing-masing;

iv. memastikan agar semua staf memberi keutamaan akan kepentingan pematuhan kepada peraturan-peraturan berkaitan dan Pekeliling-Pekeliling Kerajaan yang berkuatkuasa;

v. mengutamakan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) di dalam pengurusan pejabat;

vi. menggalakkan perhubungan yang sihat di antara pegawai-pegawai dengan menyediakan suasana kerja yang harmoni dan kondusif;

vii. menggunakan pendekatan psikologi dalam pengurusan sumber manusia jabatan; dan

viii. mewujud serta mengukuhkan mekanisme kerjasama di antara PAK dengan agensi-agensi lain untuk memajukan sektor pekeretapian negara ini di masa-masa akan datang.

5.1.5 Kursus dan Latihan

Dalam usaha melahirkan sumber manusia yang berkebolehan, berinovatif dan berdaya saing, PAK telah merangka dan melaksanakan pelbagai program pembangunan sumber manusia secara teratur dan sistematik. Setiap staf akan dihantar untuk mengikuti kursus jangka masa pendek dan jangka masa panjang yang bersesuaian dengan bidang kerja masing-masing, mengikut keperluan semasa. Kursus dan latihan ini amat penting bagi membolehkan setiap pegawai/staf meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran diri disamping memastikan nilai-nilai positif dapat diterapkan dan diamalkan semasa melaksanakan tugasan yang diamanahkan.

Sepanjang tahun 2011, PAK juga telah mengadakan taklimat/ceramah/kursus secara dalaman kepada semua pegawai/staf PAK seperti berikut;

BIL	TAKLIMAT/CERAMAH/KURSUS	TARIKH
1.	Ceramah Motivasi (YAPEIM) dan Taklimat Akta Keretapi 1991 (Akta 463)	9 Mac 2011
2.	Dynamic Team Building	1 - 3 April 2011
3.	Program Kepentingan Psikologi di Tempat Kerja dan Ceramah Kesihatan	20 April 2011
4.	Program Ceramah Kesedaran Penyalahgunaan Dadah dan Ujian Saringan Dadah	24 Oktober 2011
5.	Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan dan Bengkel Pelaksanaan Pelan Strategik Perbadanan Aset Keretapi	2 - 4 Disember 2011

Jadual Cermah dan Program Yang Dianjurkan PAK Secara Dalaman Pada Tahun 2011

Selaras dengan kehendak Kerajaan, PAK sentiasa memastikan semua pegawai dan staf supaya mencapai sasaran berkursus selama 7 hari setahun dan berikut merupakan gambarajah peratusan kehadiran pegawai/staf sepanjang tahun 2011.



Jadual Cermah dan Program Yang Dianjurkan PAK Secara Dalaman Pada Tahun 2011



6.0 PENGURUSAN ICT

6.1 Pengukuhan Infra Sokongan Untuk Keselamatan Sistem Rangkaian

Pada tahun 2011, Unit Pengurusan Maklumat telah membuat anjakan dalam memaksimumkan kesediaan infra yang lengkap bagi membolehkan sokongan rangkaian yang maksimum dapat dilaksanakan di pejabat PAK. Kerja–kerja pengukuhan infra didahulukan dengan mewujudkan earthing cable sebagai menyokong sistem pendawaian yang lebih selamat dan sekaligus meningkatkan tahap keselamatan di pejabat. Keperluan sistem perlindungan bumi ini adalah amat penting sebagai satu sistem rangkaian pengalir elektrik bagi mengangkut arus elektrik ke peralatan elektrik yang terlibat secara selamat. Selain daripada itu, satu trunking baru juga telah diwujudkan sebagai menampung laluan kabel-kabel rangkaian yang baharu di pejabat PAK. Kedua-dua projek ini penting untuk menyokong sistem rangkaian di PAK bagi memenuhi keperluan masa depan berdasarkan potensi perjawatan dan penaiktarafan rangkaian di PAK.

6.2 Pengukuhan Talian *Internet Lease Line*

Pada tahun 2011, Unit Pengurusan Maklumat telah mara lagi setapak ke hadapan bagi memastikan penggunaan teknologi yang optimum tersedia di pejabat PAK. Bergerak selari dengan kemajuan rangkaian internet yang variasi ditawarkan oleh pelbagai Internet Service Provider (ISP), PAK telah menaiktaraf talian internet dengan melanggan internet *LEASE LINE* di samping talian STREAMYX KORPORAT yang sedia ada sebagai talian back-up. Kelebihan Lease Line yang menggunakan kabel fiber akan menjamin kestabilan rangkaian dan membolehkan kelajuan akses internet ke tahap yang lebih optimum. Kemudahan ini adalah penting sebagai menampung kapastiti keperluan rangkaian jalur lebar pegawai dan staf PAK yang semakin meningkat susulan perjawatan PSH seramai 20 orang.

6.3 Naiktaraf Talian EG*NET *Lease Line*

Selain itu, pada April 2011 pemasangan VSAT Temporary untuk talian EG*Net sementara telah dibuat di pejabat PAK. Talian EG*NET ini adalah sebagai platform kepada Aplikasi HRMIS yang kini digunakan oleh pegawai dan staf PAK. Aplikasi HRMIS adalah penting untuk pengurusan rekod peribadi pegawai dan staf PAK di samping pengurusan prestasi kerja dan pengurusan cuti secara atas talian. Seterusnya, pada Disember 2011 talian EG*NET sekali lagi dinaiktaraf daripada talian VSAT ke EG*Net 2Mbps Lease Line. Talian EG*Net *Lease Line* adalah perlu bagi memastikan sokongan kelajuan akses yang stabil dan maksimum dapat dicapai oleh pegawai dan staff di PAK untuk menggunakan Aplikasi HRMIS dalam urusan harian tanpa sebarang gangguan talian.

6.4 Pembangunan Sistem

Pada tahun 2011 juga, Unit Pengurusan Maklumat juga telah membangunkan sistem e-training secara dalaman. Sistem ini dibangunkan bertujuan untuk menggantikan sistem manual yang digunakan oleh pegawai latihan di Unit Pentadbiran. Sistem ini adalah sebagai pemudahcara kepada pegawai latihan bagi memastikan rekod urusan latihan pegawai dan staf di PAK dapat dilaksanakan dengan lebih sistematik dan teratur. Sistem ini mempunyai beberapa modul yang membolehkan pegawai dan staf di PAK untuk menguruskan rekod latihan mereka secara atas talian.

7.0 Perhubungan Awam Dan Publisiti

Unit Hal Ehwal Korporat (HEK) telah ditubuhkan pada tahun 2009 selaras dengan kemasukkan Pegawai Penerangan ke Perbadanan ini. Unit ini berperanan sebagai focal point PAK bagi mendapatkan informasi, menyebarkan maklumat dan menyampaikan mesej Kerajaan kepada orang awam melalui pelbagai medium komunikasi.

7.1 Program Turun Padang

Selaras dengan fungsi unit ini yang berperanan sebagai pengantara di antara orang awam dan PAK, Program Hari Bertemu Pelanggan (HBP) Kementerian Pengangkutan menjadi antara aktiviti utama yang wajib disertai. Dihoskan secara bergilir-gilir oleh 12 agensi/ jabatan di bawah Kementerian Pengangkutan, unit ini akan memastikan setiap aduan atau permasalahan orang awam yang diterima semasa HBP diselesaikan atau disalurkan kepada bahagian/unit yang tepat.

Hari bertemu pelanggan

Di samping itu, unit ini juga telah dipertanggungjawabkan untuk membantu Bahagian Pembangunan melakukan kajian bagi mendapatkan maklumbalas awal berhubung pelaksanaan projek-projek pembangunan di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA). Pada tahun 2011, unit ini telah menjalankan **KAJIAN PENGGUNA STESEN KOMUTER SERDANG: Maklumbalas Pengguna Mengenai Penutupan Sementara Tempat Letak Kereta Di Stesen Komuter Serdang Bagi Projek Pembinaan Tempat Letak Kereta Bertingkat. Tujuan maklum balas ini diadakan adalah untuk :-**

- **mengetahui jumlah pengguna tetap tempat letak kereta di stesen tersebut,**
- **mengetahui masalah yang bakal mereka hadapi ekoran penutupan sementara tempat letak kereta di stesen komuter tersebut,**
- **keperluan untuk mengadakan tempat letak kereta alternatif, dan**
- **alternatif yang dipunyai pengguna untuk ke stesen tersebut.**

Pegawai PAK sedang melaukan kajian di tempat letak kereta Stesen Komuter Serdang.

Pegawai PAK sedang melaukan kajian di tempat letak kereta Stesen Komuter Serdang.

7.2 Pengurusan Aduan

Sebagai sebuah agensi Kerajaan yang mendokong gagasan 1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan adalah menjadi tanggungjawab unit ini untuk memastikan setiap aduan, masalah atau cadangan diberi maklumbalas dalam waktu yang ditetapkan. Selain menerima aduan daripada laman web rasmi PAK, emel, telefon, surat atau pengadu datang sendiri ke pejabat, unit ini juga bertanggungjawab mengelolakan aduan yang disalurkan oleh Biro Pengaduan Awam dan Program Hari Bertemu Pelanggan Kementerian Pengangkutan. Selain itu, peti borang aduan/cadangan turut ditempatkan di sebelah kaunter pertanyaan untuk memudahkan pelanggan-pelanggan yang datang berurusan

untuk menyalurkan aduan kepada PAK. Selain itu, unit ini juga bertanggungjawab terhadap pengurusan aduan yang ekoran daripada pelaksanaan projek-projek menaiktaraf stesen-stesen keretapi di bawah inisiatif NKRA.

7.3 Publisiti Dan Kempen

Di bawah intipati Program Tranformasi Kerajaan (GTP) dalam Mempertingkatkan Pengangkutan Awam Bandar, PAK sebagai sebuah badan berkanun di bawah Kementerian Pengangkutan telah dipertanggungjawabkan untuk menambah kira-kira 6,800 tempat meletak kereta baru di 14 stesen rel utama. Selaras dengan usaha tersebut, unit ini telah ditugaskan untuk membantu Bahagian Pembangunan dalam memastikan pemberitahuan awam yang melibatkan penutupan kawasan tempat letak kereta dan pengiklanan tender projek dikeluarkan mengikut tarikh yang ditetapkan.

Selain itu, sebagai menyahut seruan Kempen Senyum Peringkat Kementerian Pengangkutan yang diadakan pada 6 Mei 2011 di Putrajaya, PAK sebagai salah satu agensi di bawahnya turut sama menjayakan kempen tersebut diperingkat Jabatan. Antara aktiviti yang diadakan adalah pemakaian badge Senyum oleh semua kakitangan Perbadanan ini, pemasangan poster dan pemasangan signage senyum di kawasan lobi, tempat tumpuan awam dan di dalam lif.

Banner penutupan Stesen Komuter Serdang

7.4 Majlis Rasmi Jabatan

Bersempena kedatangan bulan Ramadan, satu majlis berbuka puasa telah diadakan untuk kakitangan Perbadanan ini pada 19 Ogos 2011 bertempat di perkarangan pejabat PAK. Selain dihadiri kakitangan PAK, majlis tersebut turut mengundang warga kerja daripada Kementerian Pengangkutan dan Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS). Rentetan daripada itu, PAK turut mengadakan Majlis Sambutan Hari Raya dan Bulan Kemerdekaan pada 28 September 2011. Majlis tersebut juga bagi meraikan kedatangan seramai 18 orang Pekerja Sambilan Harian yang mula berkhidmat di Perbadanan ini.

Poster Kempen Senyum

7.5 Penerbitan Rasmi Jabatan

Untuk tahun 2011, unit ini telah menerbitkan dua jilid buletin PERINTIS. Penerbitan buletin ini telah berjaya menjadi bahan bacaan alternatif kepada orang ramai khususnya semasa program Hari Bertemu Pelanggan (HBP). Buletin yang memaparkan berita semasa di PAK turut diedarkan kepada Jabatan/Agensi di bawah Kementerian Pengangkutan dan badan bukan kerajaan (NGO) untuk diletakkan di lobi dan perpustakaan mereka. Selain buletin, penerbitan Laporan Tahunan juga merupakan antara penerbitan penting yang diselaraskan unit ini.

8.0 Perundangan

Penubuhan Unit Undang-undang selepas awal penubuhannya pada November 2010, telah menunjukkan beberapa pencapaian dan keberhasilan yang membanggakan bagi melahirkan potensi terbaik PAK.

Pelaksanaan perjanjian pajakan PAK bersama MSM telah dimeterai pada 28 September 2011 telah menjadi pencapaian utama pada tahun 2011. Selain daripada itu, pelaksanaan projek pengambilalihan penyewa-penyewa keretapi yang mana dahulu ditadbir urus oleh KTMB, juga merupakan antara pencapaian utama PAK pada tahun tersebut .

- Demi meningkatkan penjanaan hasil kepada Kerajaan, PAK telah bekerjasama dengan KTMB untuk melaksanakan projek ini dengan meletakkan kesemua penyewa-penyewa
- KTMB di bawah tadbir urus PAK. Tindakan ini juga ini adalah selaras dengan pemakaian Akta Keretapi 1991. Dengan pelaksanaan projek tersebut, Unit Undang-undang terlibat secara langsung terutamanya daripada segi pemetaraian perjanjian penyewaan dan/atau pajakan.

Sejajar dengan aspirasi kerajaan untuk mewujudkan sistem jaringan pengangkutan yang komprehensif, PAK telah dipertanggungjawabkan untuk mengembleng tenaga bagi menyediakan kemudahan-kemudahan awam terutamanya dalam meningkatkan mutu perkhidmatan keretapi. Melalui peruntukan NKRA, beberapa pembinaan dan menaiktaraf kawasan tempat letak kereta di stesen-stesen keretapi telah dibina dan dengan kerjasama Bahagian Pembangunan, perjanjian pembinaan untuk tempat letak kereta tersebut telah dilaksanakan. Antara perjanjian-perjanjian yang dilaksanakan ialah:

- Cadangan Membina Dan Menyiapkan Tempat Letak Kereta Bertingkat Bagi Stesen Komuter Serta Lain-Lain Kerja Yang Berkaitan Di Stesen Komuter Serdang Secara Reka Dan Bina (Design & Build)

- Cadangan Membina Dan Menyiapkan Tempat Letak Kereta Bertingkat Bagi Stesen Komuter Serta Lain-Lain Kerja Yang Berkaitan Di Stesen Komuter Seremban Secara Reka Dan Bina (Design & Build)

Selain daripada perjanjian penyewaan dan pajakan yang dilakukan oleh unit ini, terdapat beberapa aktiviti penguatkuasaan yang dijalankan oleh unit ini dengan kerjasama Bahagian Pengurusan Hartanah setelah arahan mahkamah diperolehi. Sepanjang tahun 2011, terdapat dua (2) aktiviti penguatkuasaan yang dijalankan oleh unit ini yang melibatkan lokasi di:

- No. 45, Jalan Damansara, 50480 Kuala Lumpur (Encik M. Anandarayan)

- GM 1166, Lot 868, Mukim 06, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang (Encik Ishak bin Said).

Keberlangsungan aktiviti ini bertujuan untuk memastikan bahawa tanah-tanah dan aset-aset keretapi tidak dicerobohi sewenang-wenangnya oleh pihak tidak bertanggungjawab dan pada masa yang sama PAK boleh menawarkan penyewaan kepada pihak-pihak yang berminat sekaligus menjana pendapatan kepada Kerajaan. Pelaksanaan aktiviti pengutkuasaan di unit ini dilakukan setelah mendapat keputusan mahkamah bahawa pemilikan PAK atas tanah-tanah tersebut dibuktikan dengan sah.
Dengan penubuhan unit ini hanya dengan berkapasiti dua (2) orang, PAK telah berkeputusan untuk menambah tenaga kepada unit undang-undang dengan kemasukan 2 (dua) staf berstatus PSH. Dengan pertambahan tenaga kerja di unit ini, pelaksanaan sistem kerja dapat dijalankan secara lebih sistematik dan teratur. Selain itu, pertambahan tenaga kerja ini dapat memastikan setiap perjanjian dapat disiapkan pada tarikh yang ditetapkan dan urusan berkaitan dengan isu perundangan dapat ditangani dengan cepat.

9.0 Bahagian pengurusan hartanah

9.1 Unit Pengurusan Hartanah

Bidang tugas/aktiviti yang dipertanggungjawabkan di bawah Unit Pengurusan Hartanah adalah seperti berikut:

i. mengurus dan mentadbir tanah-tanah keretapi milik PAK berdasarkan Kanun Tanah Negara (1965) dan Akta Keretapi 1991;
ii. memproses semua permohonan sewaan dan pajakan ke atas tanah-tanah milik PAK; dan
iii. mengkoordinasi aktiviti-aktiviti penguatkuasaan ke atas tanah keretapi milik PAK yang terlibat dengan pencerobohan (pendudukan tidak sah).

Bermula pada bulan Oktober 2011, seramai lima (5) orang PSH telah diambil bekerja dan ditempatkan di Unit Pengurusan Hartanah khusus untuk menampung beban kerja yang bertambah disebabkan proses pengambilalihan penyewa-penyewa daripada KTMB.

9.1.1 Aktiviti-Aktiviti Unit Pengurusan Hartanah Tahun 2011

i. Mengurus dan Mentadbir Tanah-Tanah Keretapi

- Bertanggungjawab dalam segala urusan berhubung peletakkan hak tanah-tanah keretapi berdasarkan peraturan Kanun Tanah Negara, Seksyen 30 (A) daripada PTP kepada PAK.
- Urusetia kepada permohonan di bawah pentadbiran dan perundangan tanah melalui Kanun Tanah Negara 1965 melibatkan penyelesaian kepada masalah setinggan, isu pelepasan tanah kepada Kerajaan Negeri, pengambilan, pewartaan dan lain-lain.
- Menyediakan maklumat teknikal kepada Pejabat Tanah berhubung kepenggunaan dan pendudukan yang melibatkan tanah-tanah keretapi.

ii. Penyewaan dan Pajakan

Sepanjang tahun 2011, aktiviti sewaan dan pajakan terus menjadi antara aktiviti utama dalam pengurusan tanah-tanah keretapi kerana peningkatan jumlah permohonan penyewaan berbanding tahun 2010. Peningkatan permohonan penyewaan dapat meningkatkan hasil dan menurunkan kadar pencerobohan serta mengelakkan tanah-tanah keretapi menjadi terbiar.

Permohonan penyewaan diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Penyewaan Tanah-tanah Keretapi yang akan bersidang sekali dalam sebulan. Manakala permohonan pajakan diluluskan oleh Mesyuarat Lembaga Pengarah PAK dan Mesyuarat Jemaah Menteri.

Jenis-Jenis Penyewaan

a) Penyewaan Jangka Masa Pendek (tidak melebihi tiga (3) tahun)

- Syarikat atau individu boleh membuat permohonan penyewaan ke atas tanah keretapi (hakmilik atau rizab) yang tidak terlibat dengan operasi keretapi. Kelulusan penyewaan adalah bagi tempoh tidak melebihi tiga (3) tahun dan akan ditamatkan sekiranya tanah tersebut diperlukan untuk operasi keretapi, lain-lain tujuan pembangunan perkeretapian atau tujuan awam.
- Bagi penyewaan yang berdekatan dengan operasi keretapi (seperti di tepi landasan), PAK melalui Jawatankuasa Penyewaan dan Pajakan Tanah Keretapi menetapkan syarat di mana sebarang bentuk perniagaan yang dirancangkan hendaklah tidak mengganggu operasi keretapi. Lokasi penyewaan yang dicadangkan juga perlu berada di luar pagar keselamatan atau zon keselamatan keretapi bagi memastikan tiada berlaku pencerobohan ke kawasan landasan. Selain itu, bentuk-bentuk permohonan penyewaan yang dibenarkan adalah seperti untuk tujuan papan tanda perniagaan, pertanian kontan, gerai dan lain-lain bergantung kepada kelulusan Jawatankuasa Penyewaan dan Pajakan PAK. Sebarang bentuk kediaman di kawasan berhampiran dengan landasan adalah tidak dibenarkan.

- Kadar sewa bulanan atau sewa tahunan adalah berdasarkan nilai sewa pasaran yang akan ditentukan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH).

b) Pajakan Jangka Masa Panjang (melebihi tiga (3) tahun)

- Permohonan pajakan bagi tanah-tanah keretapi akan diproses selepas diberi kelulusan penyewaan. Ianya bertujuan untuk membolehkan pemohon memasuki tapak dalam tempoh yang cepat disamping memastikan pemohon/ penyewa mempunyai komitmen yang baik daripada segi bayaran sewa.
- Tempoh pajakan adalah berdasarkan permohonan dan biasanya di antara empat (4) tahun sehingga 99 tahun mengikut keperluan pajakan.
- Tanah-tanah keretapi yang dikategorikan sebagai tanah rizab boleh dipajakkan untuk tujuan pembangunan dan aktiviti perniagaan yang berkaitan dengan keretapi manakala bagi tanah keretapi yang dikategorikan sebagai tanah hakmilik, ia boleh diberi pajakan dan dibangunkan untuk menjana pendapatan tertakluk kepada kelulusan Lembaga Pengarah dan juga Jemaah Menteri.
- Kadar pajakan ini juga adalah berdasarkan nilai pajakan bagi tempoh tertentu yang akan ditentukan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH).

Sepanjang tahun 2011, jumlah permohonan penyewaan yang diterima oleh Bahagian Pengurusan Hartanah telah meningkat sebanyak 67.3 peratus menyaksikan sebanyak 256 permohonan penyewaan telah diterima berbanding dengan 124 permohonan pada tahun 2010. Sehingga penghujung tahun 2011, sebanyak 198 permohonan telah diluluskan sekaligus mencatat peningkatan yang memberangsangkan sebanyak 81.8 peratus berbanding hanya 44 permohonan yang diluluskan pada tahun 2010. Pada tahun yang sama juga menyaksikan sebanyak 16 permohonan telah ditangguhkan kerana masih menunggu ulasan dari Jabatan-jabatan Teknikal yang berkaitan seperti KTMB dan PBT.

Daripada jumlah itu, sebanyak 42 permohonan telah ditolak. Jumlah ini mencatatkan penurunan sebanyak 16% berbanding pada tahun 2010 di mana sejumlah 50 permohonan telah ditolak. Selain aktiviti atau tujuan yang tidak sesuai dengan keadaan dan kedudukan tapak, kebanyakan permohonan yang ditolak adalah disebabkan tidak mendapat sokong daripada KTMB atas dasar keselamatan operasi. Terdapat juga permohonan yang tidak disokong oleh PBT kerana tujuan permohonan bercanggah dengan zon guna tanah atau pelan perancangan PBT kawasan berkenaan.

Tahun / Status Permohonan	Permohonan Diterima	Permohonan Diluluskan	Permohonan Ditolak
2010	124	44	50
2011	256	198	42

Jadual perbandingan jumlah permohonan dan status penyewaan pada tahun 2010 dan 2011.



Perbandingan jumlah pemohonan sewa yang diterima, diluluskan dan ditolak pada tahun 2011 dan 2010.

ANTARA PERMOHONAN PENYEWAAN YANG DILULUSKAN

Permohonan penyewaan tapak (tapak pasar pagi/malam) oleh JKKK Kundang, Rawang, Selangor

Kedai makan yang diluluskan di Port Dickson, Negeri Sembilan.

Permohonan penyewaan bangunan oleh Haniza Zakaria di Salak Selatan, Kuala Lumpur.

Permohonan penyewaan kiosk di Stesen Keretapi Gua Musang, Kelantan.

Tahun 2011 juga menyaksikan sebanyak tiga (3) permohonan pajakan telah diluluskan. Walau bagaimanapun jumlah permohonan pajakan yang diluluskan masih mencatat jumlah yang kecil disebabkan banyak permohonan yang diterima tidak mematuhi syarat dan kriteria yang telah ditetapkan, selain daripada penilaian yang ketat untuk mendapatkan kelulusan Lembaga Pengarah PAK dan Jemaah Menteri.

Permohonan penyewaan tanah keretapi bagi membuka kedai runcit yang diluluskan di Kampung Limau Kasturi, Gua Musang, Kelantan.

Permohonan pajakan oleh Perak Bumi Rel Sdn Bhd di Port Dickson, Negeri Sembilan.

Sementara itu, hasil penyewaan bagi tahun kewangan 2011 mencatatkan jumlah kutipan sebanyak RM5,344,000.00 berbanding hasil kutipan sewa pada tahun 2010 berjumlah

RM8,800,792.00. Hasil sewa yang tinggi bagi tahun 2010 disebabkan oleh tunggakan penyewaan yang berjaya dikutip pada tahun berkenaan.

iii. Tumpang Lalu

Mulai Januari 2011, semua permohonan tumpang lalu di atas tanah-tanah keretapi perlu dikemukakan kepada PAK untuk kelulusan. Walau bagaimanapun, PAK akan mendapatkan ulasan teknikal KTMB sebelum sesuatu permohonan diluluskan dan surat tawaran dikeluarkan.

Sepanjang tahun 2011, sejumlah 29 permohonan tumpang lalu telah diterima. Walau bagaimanapun hanya 10 permohonan sahaja yang diluluskan sementara baki 19 permohonan ditangguhkan kerana masih menunggu ulasan teknikal daripada KTMB.

Tapak permohonan tumpang lalu oleh Nestle Manufacturing (m) Sdn. Bhd, Shah Alam, Selangor.

9.2 Unit Penguatkuasaan

Unit ini telah ditubuhkan pada Ogos 2009 untuk membantu PAK dalam melaksanakan peraturan dan undang-undang dan tindakan penguatkuasaan yang berkaitan dengan pengurusan tanah-tanah keretapi di seluruh Semenanjung Malaysia. Tugas dan tanggungjawab utama unit ini juga adalah untuk mengawal selia, memantau dan menghalang tanah-tanah keretapi (tanah rizab dan hakmilik) dari dicerobohi dan diduduki secara tidak sah oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

Pemantauan aktiviti-aktiviti pencerobohan di atas tanah rizab keretapi yang terletak di sepanjang jajaran keretapi pada masa ini adalah dianggarkan sejauh 1,560 Kilometer dari Johor Bahru, Johor ke Padang Besar, Perlis dan Gemas, Negeri Sembilan ke Tumpat, Kelantan dengan keluasan 12,638 hektar (30,755.41 ekar). Kebanyakkan tanah-tanah keretapi ini terdedah kepada pencerobohan setinggan yang terdiri daripada setinggan kediaman, kediaman komersial (rumah kedai), komersial (kedai runcit, bengkel, kedai makan dan lain-lain), bangunan awam (balai raya, bangunan rukun tetangga dan pertubuhan politik), rumah ibadat (surau, kuil, gereja dan tokong), pertanian (tanaman kekal seperti getah, kelapa sawit dan buah-buahan serta tanaman kontan lain seperti pisang, tebu dan bunga melor) dan sebagainya seperti contoh pembinaan stor/bangsal.

PAK berkerjasama dengan pelbagai pihak dan agensi serta PBT untuk mengeluarkan kesemua setinggan apabila terdapat cadangan Kerajaan untuk melaksanakan projek-projek keretapi antaranya Projek Landasan Berkembar Elektrik (PLBE) seperti Projek PLBE Rawang ke Ipoh, Ipoh ke Padang Besar, Seremban ke Gemas, Sentul ke Batu Caves dan terkini Gemas ke Johor Bahru, projek membina tempat letak kereta bertingkat atau at grade di bawah inisiatif National Key Result Area (NKRA), Pembinaan Depoh KTMB di Kempas (Pemindahan Stesen Keretapi Tanjung Pagar, Singapura).

b) Perancangan projek pembangunan harus berdasarkan pulangan pelaburan yang baik/tinggi kepada Kerajaan/PAK. Di antara cadangan pulangan pelaburan kepada Kerajaan adalah seperti berikut :

- Pulangan secara tunai
- Pulangan secara “In Kind”
- Pulangan secara tunai dan “In Kind”
- “Built, Operate and Transfer” melalui Perjanjian Konsesi

c) Perancangan struktur di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) harus dikaji dan disemak terlebih dahulu sebelum sebarang perancangan pembangunan di atas tanah-tanah keretapi dilaksanakan. Ini bagi memastikan dasar perancangan guna tanah diagihkan secara maksimum serta memastikan juga kegiatan perbandaran tidak mewujudkan masalah seperti kesesakan lalu-lintas, pencemaran udara, sungai, banjir kilat, ketidakcukupan kemudahan utiliti, tanah runtuh dan sebagainya akibat daripada pembangunan yang tidak strategik yang boleh memberi impak kepada perkeretapian itu sendiri.

ii) **Tanah-Tanah PAK Yang Berpotensi Menjana Pendapatan**

PAK mempunyai beberapa tanah keretapi yang berpotensi untuk menjana hasil melalui kaedah pembangunan secara pajakan jangka panjang atau pembangunan usahasama. Tanah-tanah keretapi ini sekiranya dirancang pembangunan akan meningkatkan (value added) nilai tanah tersebut dan memberi pulangan/keuntungan yang tinggi kepada pihak Kerajaan/ PAK. Tanah yang berpotensi untuk dibangunkan bagi tujuan projek pembangunan perkeretapian atau secara komersial adalah

a) Lot PT 103, Bandar Kuala Lumpur;
b) Lot 5 dan Lot 940, Seksyen 88, Ampang;
c) Lot PT 25 dan Lot PT 26, Seksyen 55, Brickfield, Kuala Lumpur;
d) Lot 853, Mukim Kajang, Selangor;
e) Lot 4054 & 3930, Bandar Seremban, Negeri Sembilan.

iii) **Projek-Projek Keretapi**

Peningkatan kemudahan pengangkutan awam yang melibatkan sektor rel (keretapi) sedang giat dilaksanakan seperti berikut:

a) Projek Landasan Berkembar Elektrik Ipoh-Padang Besar
b) Projek Landasan Berkembar Elektrik Seremban- Gemas
c) Projek Landasan Berkembar Elektrik Gemas – Johor Bahru
d) Projek pengukuhan landasan keretapi
e) Projek pengukuhan jambatan keretapi
f) Projek membina dan menaiktaraf stesen keretapi
g) Projek membina dan menaiktaraf tempat letak kereta bertingkat (Park n Ride) di stesen komuter

vi) Cadangan Pembangunan Tanah Oleh Syarikat Swasta

Pada tahun 2011, beberapa cadangan pembangunan di atas tanah keretapi oleh syarikat swasta telah dibuat kajian dan penilaian oleh PAK. Beberapa cadangan pembangunan tanah seperti di bawah telah diperhalusi bersama di antara PAK, Kementerian Pengangkutan Malaysia, KTMB, SPAD dan Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Jabatan Perdana Menteri untuk mendapatkan satu konsep pembangunan Transit Oriented Development yang mengambilkira integrasi di antara kemudahan pengangkutan awam (keretapi, bas, teksi dan lain-lain) dengan cadangan pembangunan daripada pihak swasta dalam bentuk komersial dan pembangunan bercampur. Cadangan-cadangan pembangunan oleh pihak swasta yang masih di peringkat kajian terperinci adalah seperti berikut:

a) Cadangan pembangunan Hub Pengangkutan Subang di atas Lot 20924 dan Lot 20925, Mukim Damansara, Selangor;
b) Cadangan pembangunan komersial di atas tanah PT 25 dan PT26, Brickfields, Kuala Lumpur;
c) Cadangan pembangunan Integrasi Hub Pengangkutan yang melibatkan pembinaan Stesen Komuter KTM baru berkonsepkan Park and Ride di atas Lot 853, Mukim Kajang, Selangor; dan
d) Cadangan Pembangunan Hub Pengangkutan Bersepadu Seremban Sentral, Bandar Seremban, Negeri Sembilan di atas tanah rizab keretapi.

Manakala, cadangan pembinaan Stesen Komuter KTM baru yang akan diintegrasikan dengan Stesen LRT Abdullah Hukum berdekatan dengan pembangunan KL Eco City telah diluluskan oleh Kerajaan dan kini sedang dalam pelaksanaan memuktamadkan Land Swap Agreement dengan perancangan pembinaan stesen tersebut siap dalam tempoh tiga (3) tahun.

v) **Projek Pembinaan Park N Ride dibawah Inisiatif NKRA Peringkat Kementerian Pengangkutan.**

Pembinaan baru dan menaiktaraf lima (5) stesen komuter telah dikenalpasti untuk dilaksanakan pembinaan tempat letak kereta secara bertingkat dan at-grade di sekitar Lembah Klang bagi memberi kemudahan kepada pengguna komuter seperti berikut

BIL	STESEN KOMUTER	SKOP P EMBINAAN	STATUS
1	Serdang	Bertingkat	Projek bermula pada bulan Mei 2011 dan akan siap pada bulan Ogos 2012.
2	Seremban	Bertingkat	Projek bermula pada bulan Jun 2011 dan akan siap pada bulan September 2012.
3	Kajang	At Grade	Projek bermula pada bulan Disember 2011 dan akan siap pada bulan Mac 2012.
4	Bangi	At Grade	Projek bermula pada bulan Disember 2011 dan akan siap pada bulan Ogos 2012.
5	Padang Jawa	At Grade	Projek bermula pada bulan Disember 2011 dan akan siap pada bulan April 2012.
6	Bahau	Pembinaan Baru Stesen	Projek bermula pada bulan Jun 2012 dan akan siap pada bulan September 2013.
7	Kampar	Menaiktarafkan kemudahan sedia ada	Projek bermula pada bulan Jun 2012 dan akan siap pada bulan April 2013

Projek Jadual Pembinaan Park N Ride di bawah Inisiatif NKRA Peringkat Kementerian Pengangkutan.

vi) **Sistem Maklumat Aset**

Pada tahun 2011, kerja-kerja pengemaskinian terhadap dua (2) sistem maklumat berkomputer PAK iaitu Sistem Daftar Aset Tetap (FARS) dan Sistem Maklumat Geospatial (GIS) sentiasa dilaksanakan secara berterusan. Kedua-dua sistem berkomputer ini banyak membantu Bahagian Pembangunan Hartanah dalam mengawalselia, mengurus, menyenggara dan membangunkan aset-aset keretapi di mana ianya digunakan sebagai instrumen untuk mengesan lokasi, pemantauan, menyenggara rekod tanah dan infrastruktur keretapi.

10.2 Pelupusan Aset-Aset Infrastruktur

Sepanjang tahun 2011, kerja-kerja pelupusan aset-aset infrastruktur seperti kuarters usang, landasan dan pelupusan kayu landasan keretapi giat dilaksanakan di sepanjang jajaran projek landasan berkembar elektrik yang sedang dalam pelaksanaan seperti berikut:

a) Merujuk kepada Akta Keretapi 1991, Seksyen 89 (1) dimana ianya jelas menyatakan bahawa aktiviti melupuskan atau mengurusniagakan, apa-apa harta alih atau tak alih atau apa-apa kepentingan adalah terletak hak pada Perbadanan Aset Keretapi (PAK). Sepanjang tahun 2011 yang lalu, PAK telah mengadakan kerja-kerja pelupusan pelbagai barang lusuh melalui kontrak pelupusan sedia ada antara PAK dan Hidmalayan (M) Sdn Bhd tawaran tender dan jualan runcit bagi kayu landasan keretapi. Barang-barang lusuh yang dilupuskan adalah bagi mata benda terpakai yang tidak boleh diguna semula sebagai alat ganti yang mana ianya juga diklasifikasikan gred C dan D.

b) Berikut adalah (Jadual 1 dan 2) yang menunjukkan hasil jualan pelupusan yang telah dilupuskan oleh kontaktor HSB bagi tempoh (13 Mac 2011 - 31 Disember 2011).

Jadual 1
(PLBE) IPOH – PADANG BESAR
(3 MAC 2011 – 30 DISEMBER 2011)

BIL	TARIKH	LOKASI PELUPUSAN	JENIS MATA BENDA	JUMLAH (RM)
1.	12/4/2011	Bangunan Stesen Keretapi dan kuarters Kuala Kangsar, Perak	Kayu	6,274.00
			Besi	7,914.00
			Wayar kabel	199.50
			Jumlah	14,387.50
2.	9/5/2011	Yad Pinang Tunggal P.Pinang	Kayu landasan wgred C (batang)	90,000.00
			Kayu landasan gred D (batang)	38,456.00
			Jumlah	128,456.00
3.	4/7/2011	Bangunan Stesen Keretapi Tasek dan Stesen Kuala Kangsar, Perak	Besi bangunan	2,178.00
			Peralatan komunikasi	567.00
			Jumlah	2,745.00
4.	25/7/2011	Bangunan Stesen Keretapi Arau	Besi bangunan	26,526.00
			Kayu bangunan	5,498.00
			Jumlah	32,024.00
5.	23/9/2011	Yad Pinang Tunggal P.Pinang	Kayu landansan gred C (batang)	29,580.00
			Kayu landansan gred D (batang)	9,075.00
			Jumlah	38,655.00
6.	20/10/2011	Jambatan Besi No. 64, Bakar Arang, Kedah	Besi jambatan	3,825.36
			Jumlah	3,825.36
7.	20/10/2011	Jambatan Besi No. 65, Bakar Arang, Kedah	Besi jambatan	24,379.43
			Jumlah	24,379.43
8.	16/12/2011	Bangunan Hentian Salak Utara	Kayu bangunan	1,398.00
			Jumlah	8,152.44
9.	16/12/2011	Bangunan Stesen Keretapi Tasik Gelugor, P.Pinang	Kayu bangunan	696.00
			Jumlah	696.00
10.	21/12/2011	Bangunan Stesen Keretapi Butterworth, P.Pinang	Besi bangunan	75,894.00
			Kayu bangunan	6,492.00
			Peralatan komunikasi	8,515.50
			Jumlah	90,901.50
JUMLAH KESELURUHAN				**344,222.23**

Jadual 2
PELUPUSAN PELBAGAI JENIS BARANGAN LUSUH MILIK PAK YANG TERLIBAT DENGAN (PLBE) SEREMBAN – GEMAS
(3 MAC 2011-30 DISEMBER 2011)

BIL	TARIKH	LOKASI PELUPUSAN	JENIS MATA BENDA	JUMLAH (RM)
1.	19/7/2011	Bangunan Stesen Keretapi Rembau	Besi bangunan	144.00
			Kayu bangunan	276.00
			Jumlah	420.00
2.	19/7/2011	Bangunan Stesen Keretapi Tampin	Besi bangunan	3,114.00
			Jumlah	3,114.00
3.	21/12/2011	Depoh Merawat Kayu Landasan, Gemas	Kayu landasan gred C	180.00
			kayu landasan gred D	5,021.50
			Jumlah	5,201.50
JUMLAH KESELURUHAN				**8,735.50**

c) PAK juga telah menerima banyak permohonan daripada syarikat atau individu yang berminat untuk membeli kayu landasan keretapi yang mana ianya tidak terlibat dengan PLBE Ipoh - Padang Besar dan Seremban - Gemas. Penjualan kayu secara runcit ini adalah tidak melebihi 300 batang bagi setiap permohonan. PAK menjual kayu landasan keretapi dengan RM60 sebatang bagi Gred C dan sebatang RM20 Gred D. Jumlah hasil jualan kayu landasan keretapi milik PAK sepanjang tahun 2011 adalah seperti di Jadual 3

Jadual 3
PENJUALAN KAYU LANDASAN KERETAPI MILIK PAK (2011)

Bil	Tarikh	Pembeli	Tempat	Kuantiti Kayu (Batang)		Jumlah Harga (RM)
				C	D	
1.		En. Mohamad Zahera Bin Osman	Yad Ipoh	300		9,000.00
2.		En. Nor Rizan Bin Mohd Akhir	Jalan Ang Seng	20		700.00
3.		Marmora MMR (M) Sdn Bhd	Taman Wahyu	200		6,000.00
4.		K.B Timber Industries Sdn Bhd	Taman Wahyu	140		8,400.00
5.		Mohd Fauzi Bin Ahmad	Jalan Ang Seng		16	320.00
6.		MA Sharifuddin Bin Jamaluddin	Yad Pinang Tunggal		660	100.00
7.		UEM Builders Berhad	Yad Ipoh	300		18,000.00
8.		Dato' Azhar Hj. Salleh (Innovative Mapping Sol)	Yad Ipoh	150		9,000.00
			Yad Ipoh		150	3,000.00
9.		Shahrul Azila Bin Mohd Salleh (INSTEDT)	Yad Ipoh	150		9,000.00
			Yad Ipoh		150	3,000.00
10.		Nur Shazreen Nadia Binti Shahrul Azila (INSTEDT)	Yad Ipoh	150		9,000.00
			Taman Wahyu		150	3,000.00
11.	19-Sep-11	Hariza Binti Hashim (INSTEDT)	Yad Ipoh	150		9,000.00
			Taman Wahyu		150	3,000.00
12.	26-Sep-11	Impressive Comm. Sdn Bhd	Taman Wahyu	150		9,000.00
			Taman Wahyu		200	4,000.00
13.	28-Okt-11	KB Timber Industries	Yad Ipoh		50	1,000.00
14.	28-Okt-11	Horizon Hills Development Sdn Bhd	Yad Ipoh		10	200.00
JUMLAH				**1710**	**1536**	**104,720.00**

11.0 UNIT KEWANGAN DAN AKAUN

11.1 Latar Belakang

Pengurusan Kewangan dan Akaun merupakan elemen yang sangat penting dalam sesebuah organisasi dan bertanggungjawab dalam memastikan segala sumber kewangan diurus, dikawal baik dan memastikan segala peraturan – peraturan kewangan dipatuhi serta selaras dengan Arahan Perbendaharan, Unit Kewangan dan Akaun adalah berperanan untuk menyelaraskan tanggungjawab tersebut. Pengurusan Kewangan dan Akaun PAK dipertanggungjawabkan dan dikendalikan oleh Unit Kewangan dan Akaun, antara fungsi unit ini adalah:

i. Merancang, menyedia, memohon, mengawal dan menyelaras Belanjawan mengurus terutama dalam aspek keperluan dan agihan peruntukan, pemantauan dan pengurusan perbelanjaan.
ii. Menguruskan penerimaan, pembayaran dan menyelaras Belanjawaan pembangunan melalui pengesahan kerja oleh Unit Pembangunan Hartanah bagi projek–projek menaiktaraf dan membangunkan infrastruktur pengkeretapian.
iii. Menguruskan kutipan hasil sewa tanah rizab, tanah hak milik, bangunan dan gudang milik Perbadanan Aset Keretapi melalui data – data penyewaan yang diuruskan oleh Unit Pengurusan Hartanah, Perbadanan Aset Keretapi.
iv. Menguruskan perolehan bekalan / kerja / perkhidmatan secara pembelian terus / sebutharga / tender berdasarkan arahan dan pekeliling yang berkuatkuasa.
v Menguruskan pengurusan akaun dan penyediaan penyata / laporan kewangan selaras dengan keperluan untuk tujuan kawalan dan pengesahan perbelanjaan.
vi Memberikan khidmat nasihat mengenai Pengurusan Kewangan, Perolehan dan Akaun.

11.2 Penubuhan Kumpulan Wang Perbadanan Aset Keretapi

Kumpulan Wang Perbadanan Aset Keretapi (Kumpulan Wang PAK) secara rasminya ditubuhkan pada tahun 2011 dengan kelulusan Lembaga Pengarah PAK agar urusan kewangan PAK dikenali dengan satu Kumpulan Wang. Penubuhan Kumpulan Wang PAK adalah selaras dengan Seksyen 98 (1) Akta Keretapi 1991 “Bagi maksud-maksud Bahagian ini, maka hendaklah ditubuhkan Kumpulan Wang Perbadanan Aset Keretapi (kemudian daripada ini disebut “Kumpulan Wang”)”.

Mengikut seksyen 98 (2) Akta keretapi 1991, Kumpulan Wang terdiri daripada

a) Apa-apa jumlah wang yang diperuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan dari semasa ke semasa bagi maksud-maksud Perbadanan di bawah bahagian ini;
b) Apa-apa jumlah wang yang disedia adakan dari semasa ke semasa bagi Perbadanan melalui pinjaman; dan
c) Wang yang didapatkan atau berbangkit daripada apa-apa jualan harta atau apa-apa urusniaga lain yang berhubungan dengan harta atau pelaburan , gadai-janji, gadaian atau debentur yang diperolehi oleh atau terletakhak pada Perbadanan.”

Manakala, Seksyen 98 (3) Akta Keretapi 1991 menjelaskan perbelanjaan yang dibenarkan, “Kumpulan Wang hendaklah dibelanjakan bagi maksud-maksud membayar apa-apa perbelanjaan yang dilakukan dengan sah oleh Perbadanan bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan bahagian ini, dan saran bagi pegawai-pegawai dan perkhidmat-perkhidmat yang dilantik dan diambil bekerja oleh Perbadanan, termasuk elaun persaraan,pencen atau ganjaran”.

11.3 Analisa Prestasi Kewangan

11.3.1. Punca Kewangan

Punca Kewangan PAK terdiri daripada tiga (3) komponen utama iaitu geran operasi, geran pembangunan, hasil sewaan tanah-tanah keretapi (dan aset-aset di atasnya) dan lain-lain pendapatan seperti hasil faedah, jualan kayu terpakai dan besi lusuh.

a) Geran Operasi

Geran Operasi merupakan geran mengurus yang diberikan oleh Kerajaan kepada PAK sebagai dana bagi melaksanakan program dan aktiviti tahunan yang dirancang. Berbanding tahun 2010, tahun 2011 menunjukkan peningkatan daripada segi jumlah penerimaan geran mengurus untuk tujuan belanja operasi iaitu peningkatan sebanyak 2.5% iaitu daripada RM1.495 juta kepada RM3.376 juta pada tahun 2011. Disamping itu, Geran Operasi yang diterima daripada Kerajaan digunakan antaranya bagi bayaran balik pinjaman jangka panjang yang diambil alih daripada Pentadbiran KTM pada tahun 1992. Seperti tahun 2010, pada tahun 2011 sejumlah RM41.213 juta telah diperuntukkan untuk tujuan pembayaran hutang. Perbandingan geran operasi yang diterima pada tahun 2011 berbanding tahun 2010 adalah seperti berikut:

Jadual 1 : Geran Operasi tahun 2011 dan tahun 2010

PERKARA	TAHUN 2011	TAHUN 2010
Bayaran balik pinjaman jangka panjang	41,213,000	41,213,000
Belanja mengurus	3,927,000	1,495,000
JUMLAH	45,140,000	42,708,000

Hasil sewaan adalah merupakan pendapatan sewaan ke atas tanah dan aset-aset di atas tanah hak milik dan tanah rizab keretapi. Selain daripada penyewaan tanah, hasil sewaan juga diperolehi daripada aset-aset di atas tanah seperti bangunan, kuarters, premis-premis perniagaan di atas stesen dan lain-lain lagi. Hasil sewaan yang direkodkan adalah dikutip oleh PAK dengan perjanjian penyewaan di antara PAK dan penyewa. Bagi penyewa yang mempunyai perjanjian dengan pihak KTMB, hasil sewa dikutip dan diakaun oleh pihak KTMB, namun PAK dalam perancangan untuk mengambilalih penyewaan dari pihak KTMB mulai tahun 2012. Bagi tahun kewangan semasa 2011, PAK mencatatkan hasil kutipan sewa sebanyak RM5.344 juta berbanding tahun 2010 iaitu RM8.801juta yang mana penurunan ini adalah kerana perubahan kadar sewaan yang dikenakan antaranya pemberian kadar nominal bagi penyewaan yang tidak beroperasi keuntungan serta semakan semula perjanjian penyewaan. Perbandingan hasil sewa tahun 2011 dan 2010 adalah seperti berikut:

Jadual 2: Hasil Sewa Tanah Milik dan Tanah Rezab Tahun 2011 dan Tahun 2010

HASIL SEWAAN	TAHUN 2011	TAHUN 2010
Tanah Milik	2,338,000	3,577,000
Tanah Rizab	3,006,000	5,224,000
JUMLAH	5,344,000	8,801,000

c) Lain-Lain Pendapatan

Lain-lain pendapatan PAK adalah klasifikasi pendapatan daripada hasil faedah Kumpulan Wang Perbadanan Aset Keretapi iaitu atas baki akaun semasa daripada

dua (2) buah bank tempatan dan juga hasil faedah simpanan tetap (Fixed Deposit) daripada empat buah bank. Pada tahun 2011 hasil faedah mencatatkan terimaa sejumlah RM731 ribu, peningkatan perbezaan sejumlah RM483 ribu daripada hasil faedah yang dicatatkan pada tahun 2010 iaitu hanya RM248 ribu. Lain–lain pendapatan dijana daripada hasil jualan bahan-bahan lusuh infrastruktur keretapi seperti besi dan kayu – kayu terpakai. Pendapatan ini juga merangkumi hasil daripada meroboh kuarters, penjualan mata benda terpakai, jualan borang tender, sebut harga dan jualan salinan pelan. Tidak seperti tahun 2010 yang mencatatkan kutipan yang rendah, sebaliknya tahun 2011, kutipan yang direkodkan adalah berjumlah RM605 ribu. Peningkatan ketara ini adalah hasil daripada jualan bahan lusuh bagi memberi laluan kepada Projek Landasan Berkembar Ipoh – Padang besar dan Projek Landasan Berkembar Seremban – Gemas.

Perbandingan Lain-lain Pendapatan di antara tahun 2011 dan 2010 adalah seperti :

HASIL SEWAAN	TAHUN 2011	TAHUN 2010
Faedah atas simpanan dan pinjaman kakitangan	733,000	250,000
Jualan Barang – Barang Lusuh dan lain – lain pendapatan	605,000	45,000
JUMLAH	1,338,000	295,000

11.3.2 Perbelanjaan

Perbelanjaan diklasifikasikan kepada perbelanjaan pentadbiran, perbelanjaan pengurusan aset, perbelanjaan infrastruktur dan pembayaran balik hutang.

a) **Perbelanjaan Pentadbiran**

PAK menerima Peruntukan Belanja Mengurus pemberian Kerajaan melalui Kementerian Pengangkutan sebagai dana untuk melaksanakan dan menyokong program dan aktiviti yang dirancang antaranya membiayai emolumen gaji dan elaun pegawai dan staf PAK serta menampung kos operasi lain seperti utiliti, pengangkutan serta belanja pentadbiran bagi tujuan pengurusan pejabat PAK. PAK juga memperuntukan sebahagian kecil peruntukan untuk tujuan memberi derma dan sumbangan kepada pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dan badan kebajikan. Perbelanjaan-perbelanjaan lain secara dasarnya adalah melibatkan perbelanjaan bayaran guaman serta bayaran seperti bayaran penilaian, cukai tanah, pembersihan kawasan, pemasangan pagar dan pemasangan papan tanda yang juga diklafikasikan sebagai perbelanjaan pengurusan aset. Peningkatan perbelanjaan di bawah perbelanjaan lain adalah disebabkan pembayaran cukai dan tunggakan cukai yang tinggi memandangkan PAK kini dalam tindakan pengambialihan pengurusan tanah-tanah keretapi secara menyeluruh. Perbandingan belanja pentadbiran antara tahun 2011 dan tahun 2010 adalah seperti berikut:

KOD PROGRAM	NAMA PROGRAM	TAHUN 2011	TAHUN 2010
10000	Emolumen	1,763,367	1,562,287
20000	Perkhidmatan dan Bekalan	1,565,099	1,564,521
30000	Aset	-	11,330
40000	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	5,950	2,200
50000	Perbelanjaan Lain	8,285,939	3,299,460
		11,620,355	6,439,798

b) **Perbelanjaan Pengurusan Aset**

Perbelanjaan pengurusan aset adalah perbelanjaan bagi tujuan bayaran penilaian, cukai tanah serta perbelanjaan penyelenggaraan dan pengurusan aset yang lain seperti pembersihan kawasan, pemasangan pagar dan pemasangan papan tanda. Pada tahun 2011, perbelanjaan pengurusan aset menunjukkan peningkatan kerana PAK menyelesaikan sejumlah besar cukai tanah antaranya di negeri Kelantan, Kedah, Pulau Pinang, Johor, Perak, Negeri Sembilan, Perlis dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Memandangkan sumber peruntukan pemberian Kerajaan adalah terhad, PAK menggunapakai sumber kewangan daripada hasil kutipan sewa untuk menampung sebahagian perbelanjaan PAK pada tahun 2011 terutama pembayaran cukai tanah dan cukai taksiran. Perbelanjaan pengurusan aset ini dilaksanakan selaras dengan usaha dan hasrat PAK dalam memastikan bahawa aset (terutama tanah) diselenggara dengan efektif selain bagi mengelakkan pencerobohan oleh pihak–pihak yang tidak bertanggungjawab. Bagi tanah-tanah dan sebahagian bangunan yang sesuai dan dalam keadaan yang kondusif akan disewakan kepada badan korporat, syarikat–syarikat dan individu–individu yang berminat bergantung kepada kekosongan dan kesesuaian lokasi. Bagi tujuan pengurusan aset ini, PAK telah menggunapakai Sistem Daftar Aset Tetap Berkomputer dan bercadang membeli perisian AutoCAD untuk proses Sistem Maklumat Geografi (GIS) bagi melicinkan lagi proses pengurusan aset-aset PAK. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, tanah keretapi terdiri daripada tanah rizab dan tanah berhakmilik. Keseluruhan belanja pengurusan aset direkodkan seperti berikut:

c) **Perbelanjaan Penyelenggaraan Infrastruktur**

Perbelanjaan penyelenggaraan infrastruktur merupakan belanja bagi kerja–kerja penyelenggaraan besar infrastruktur keretapi sedia ada termasuk pengukuhan dan penambahbaikan infrastruktur. Kerja–kerja penyelenggaran ini dilaksanakan oleh pihak KTMB dimana semua bayaran dan perjanjian dilakukan oleh kerajaan melalui Kementerian Pengangkutan Malaysia, bagi pihak Perbendaharaan. Tiada perbelanjaan Penyelenggaraan Infrastruktur direkodkan pada tahun ini.

d) **Pembayaran Balik Hutang-hutang**

Pinjaman Kerajaan Persekutuan (secara terus), Pinjaman Relending Loan dan Pinjaman Komersil diambilalih oleh PAK daripada pentadbiran KTM pada tarikh yang sama KTM Berhad diwujudkan iaitu pada Julai 1991. Selain daripada mewarisi kesemua aset-aset keretapi setelah pembubaran pentadbiran KTM, PAK juga mengambilalih kesemua liabiliti dan hutang-hutang pada ketika itu dianggarkan berjumlah RM1.763 bilion. Pada 31 Disember 2007, PAK telah selesai membayar sebahagian daripada liabilti berkenaan. Tanggungan hutang PAK keseluruhannya pada tahun 2011 adalah berjumlah

RM1.123 billion berbanding RM1.163 billion setelah semakan semula dilaksanakan. Jumlah perbezaan baki semasa ini adalah berdasarkan jadual seperti berikut:

Secara dasarnya berdasarkan jadual di atas, hutang yang telah diambilalih daripada Pentadbiran KTM boleh dibahagikan kepada tiga (3) jenis iaitu :-

i) Pinjaman Komersial

Pada asalnya PAK mengambilalih empat (4) jenis hutang komersial daripada Pentadbiran KTMB yang telah dibayar sepenuhnya pada tahun 2006 iaitu pinjaman daripada:

i. Bank Dunia berjumlah RM6,977,680 telah habis diayar pada tahun 1996

ii. UMBC berjumlah RM2,500.00 telah habis dibayar pada tahun 1997

iii. Kredit Pembekal Ganz Mavang bernilai RM5,439,501 telah habis dibayar pada tahun 2001

v. RHB Bank (dahulunya Kwong Yik Bank) berjumlah RM15,184,450 habis dibayar pada tahun 2006

vi. Pinjaman Kerajaan Persekutuan secara terus

Pinjaman ini adalah pinjaman yang diterima secara terus daripada kerajaan persekutuan kepada Pentadbiran KTM. Pada asalnya PAK mengambil alih 76 pinjaman Kerajaan Persekutuan secara terus berjumlah RM 1,249,830,478.71. Pada tahun 1996, Perbendaharaan telah menyusun semula 75 daripada 76 pinjaman ini (kecuali UK Malaysia Aids) kepada satu pinjaman yang baru dimana jumlah pokok 75 pinjaman sebanyak RM 1,221,827,567.15 menjadi satu pinjaman baru berjumlah RM 1,508,116,279.54 dengan kadar faedah 0%. Pinjaman ini perlu dibayar balik dalam tempoh 19 tahun dengan peruntukan yang akan disediakan oleh Kerajaan.

iii. Pinjaman dari luar yang dipinjamkan semula oleh Kerajaan Persekutuan

Mengikut perjanjian ini, Pentadbiran KTM perlu membayar bayar balik apa sahaja yang dibayar oleh Kerajaan kepada pemberi pinjaman termasuk faedah, kawat dan tukaran matawang asing. Pinjaman ini merupakan pinjaman yang diperolehi oleh Kerajaan dari luar negara khusus untuk sesuatu projek dan ianya dipinjamkan semula kepada Pentadbiran KTM dengan cara "*back to back*". Pada masa ini terdapat tujuh (7) pinjaman jenis ini yang dikenalpasti iaitu:

i. (Overseas Economic Corporation Fund-MVIII - 1, Jepun

ii. Overseas Economic Corporation Fund-MVIII - 3, Jepun

iii. Overseas Economic Corporation Fund-MX - 4, Jepun

v Overseas Economic Corporation Fund-MX1 - 2, Jepun

vi Kreditanstalt Fur Wiederaufban - 6 juta, Republik Jerman (RS7266026) – Selesai pembayaran pada tahun 2006.

vii Kreditanstalt Fur Wiederaufban - 4 juta, Republik Jerman (RS7665029) – Selesai pembayaran pada tahun 2006.

vii Ssang Yong, Korea – Selesai pembayaran pada tahun 2003.

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
PERBADANAN ASET KERETAPI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

Penyata Kewangan Perbadanan Aset Keretapi bagi tahun berakhir 31 Disember 2011 telah diaudit oleh wakil saya. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap Penyata Kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut.

Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan pendedahan yang mencukupi dalam Penyata Kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan, unjuran signifikan oleh pengurusan dan persembahan Penyata Kewangan secara keseluruhan. Saya percaya pengauditan yang dilaksanakan memberi asas yang munasabah terhadap pendapat saya.

Kecuali apa yang dinyatakan dalam Laporan Ketua Audit Negara pada pendapat saya Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Perbadanan Aset Keretapi pada 31 Disember 2011, hasil operasi dan aliran tunainya untuk tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan.

(NIKRUL TARMIZI BIN AWALLUDIN)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
15 OGOS 2012

2.3 Kedudukan Kewangan

Penyata Kewangan Perbadanan Aset Keretapi bagi tahun berakhir 31 Disember 2011 disediakan berdasarkan andaian berterusan *(going concern)* seperti yang dinyatakan di Nota 2.1 kepada Penyata Kewangan walaupun liabiliti semasa melebihi aset semasa berjumlah RM883.83 juta (2010 : RM953.55 juta). Perbadanan Aset Keretapi juga mengalami kerugian bersih bagi tahun kewangan 2011 berjumlah RM31.52 juta (2010 : RM54.89 juta). Berdasarkan kepada prestasi kewangan semasa, keupayaan Perbadanan Aset Keretapi untuk menjelaskan liabiliti jangka pendek adalah bergantung kepada penstrukturan semula terma dan syarat perjanjian pinjaman jangka pendek serta sokongan kewangan daripada Kerajaan Persekutuan.

(NIKRUL TARMIZI BIN AWALLUDIN)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
15 OGOS 2012

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN PERBADANAN ASET KERETAPI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

Laporan Ketua Audit Negara ini hendaklah dibaca bersama dengan Sijil Ketua Audit Negara bagi menyokong pendapat Audit terhadap penyata kewangan tersebut.

2. Pemerhatian Audit terhadap Penyata Kewangan adalah seperti berikut:

2.1 Kerja Dalam Pelaksanaan

Ketepatan baki kerja dalam pelaksanaan berjumlah RM14.77 bilion pada 31 Disember 2011 tidak dapat disahkan kerana Perbadanan Aset Keretapi tidak mempunyai senarai terperinci untuk keseluruhan kerja dalam pelaksanaan dan perekodan dibuat berdasarkan kepada salinan baucar jurnal yang dikemukakan oleh Keretapi Tanah Melayu Berhad. Selain itu, Projek Landasan Berkembar Elektrik Sentul - Batu Caves dan Rawang - Ipoh yang telah siap dan digunakan sebelum tahun kewangan 2011 belum dipermodalkan kepada aset tetap. Kos keseluruhan projek tersebut juga tidak dapat dikenal pasti.

2.2 Geran Kerajaan Persekutuan

Ketepatan baki geran Kerajaan Persekutuan berjumlah RM16.70 bilion pada 31 Disember 2011 tidak dapat disahkan kerana tiada dokumen sokongan untuk geran pembangunan berjumlah RM14.86 bilion serta perbezaan baki geran yang belum dilunaskan berjumlah RM58.03 juta berbanding jadual pelunasan geran.

PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH

Kami, DATO' LONG SEE WOOL dan DATO' YAP KIN SIAN yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah PERBADANAN ASET KERETAPI dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan PERBADANAN ASET KERETAPI pada 31 DISEMBER 2011 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,

.....

NAMA : DATO' LONG SEE WOOL
GELARAN : PENGERUSI
TARIKH : 08 AUG 2012
TEMPAT : KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA
ARAS 7, BLOK D5, PARCEL D
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62616 PUTRAJAYA

Bagi pihak Lembaga,

.....

NAMA : DATO' YAP KIN SIAN
GELARAN : AHLI
TARIKH : 08 AUG 2012
TEMPAT: KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA
ARAS 7, BLOK D5, PARCEL D
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62616 PUTRAJAYA

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN PERBADANAN ASET KERETAPI

Saya, ABDUL KADIR BIN AB LATIFF, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan PERBADANAN ASET KERETAPI dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya)
diakui oleh penama di atas)
di KAJANG)
pada 08 AUG 2012)

.....

Di hadapan saya,

PESURUHJAYA SUMPAH
No: B211
Nama: YA'ACOB MENTOL A.M.N
MALAYSIA

Alamat tempat perniagaan
Lot 1-93, Tingkat Satu,
Pusat Hentian Kajang, Jln. Reko,
43000 Kajang, Selangor D. E.

LEMBARAN IMBANGAN
PADA 31 DISEMBER 2011

	Nota	2011 RM'000	2010 (Dinyatakan Semula) RM'000
ASET			
Hartanah, Loji Dan Peralatan	7	10,336,799	10,228,149
Kerja-Kerja Dalam Perlaksanaan	8	14,773,886	12,196,271
		25,110,685	22,424,420
ASET SEMASA			
Belum Terima Lain	9	10,002	6,146
Tunai Dan Kesetaraan Tunai	10	236,575	210,608
		246,577	216,754
LIABILITI SEMASA			
Belum Bayar Lain	11	4,782	4,179
Pinjaman	12	1,123,354	1,163,859
Tanggungan Cukai Pendapatan		2,266	2,266
		1,130,402	1,170,304
LIABILITI SEMASA BERSIH		(883,825)	(953,550)
		24,226,860	**21,470,870**
Dibiayai Oleh:-			
Geran Kerajaan Persekutuan	13	16,699,524	13,916,297
Rezab Penilaian Aset		7,991,061	8,055,456
Kerugian Terkumpul	14	(472,044)	(504,919)
		24,218,541	21,466,834
Pinjaman jangka panjang		-	-
Cukai Tertunda	15	8,319	4,036
		24,226,860	**21,470,870**

PENYATA PENDAPATAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

	Nota	2011 RM'000	2010 (dinyatakan semula) RM'000
PENDAPATAN OPERASI			
Sewa Dari Harta	16	5,344	8,801
Pelunasan Geran		67,914	270,077
		73,258	278,878
LAIN-LAIN PENDAPATAN			
Geran	17	45,140	42,708
Pelbagai Penerimaan	18	1,338	295
Keuntungan atas Pelupusan Aset	19	-	65
Lain-Lain Pendapatan Terkurang Catat Tahun Lalu		70	966
		46,548	44,034
JUMLAH PENDAPATAN		119,806	322,912
PERBELANJAAN			
Perbelanjaan Pentadbiran		(3,624)	(3,315)
Perbelanjaan Berkaitan Hasil Sewa	20	(7,996)	(3,125)
Penyelenggaraan Infrastruktur	21	-	(207,207)
Peruntukan Susutnilai		(70,325)	(63,075)
Rugi akibat terjemahan matawang asing		(379)	(283)
Kerugian atas Pelupusan Aset	19	(64,390)	(95,000)
		(146,714)	(372,005)
Kurangan kasar		(26,908)	(49,093)
Faedah Ke Atas Pinjaman Kerajaan		(329)	(136)
Kurangan kasar sebelum cukai		(27,237)	(49,229)
Peruntukan Cukai	22	-	(1,611)
Peruntukan Cukai Tertunda	22	(4,283)	(4,050)
Kurangan bersih bagi tahun semasa		**(31,520)**	**(54,890)**

	Nota	Geran Kerajaan RM'000	Rezab Penilaian Aset RM'000	Kerugian Terkumpul RM'000	Jumlah RM'000
2010					
Pada 1 Januari					
- Seperti yang dinyatakan terdahulu		**12,990,906**	**8,322,476**	**(589,563)**	20,723,819
- Pelarasan tahun terdahulu		206,869	-	(127,486)	79,383
- Seperti yang dinyatakan semula		**13,197,775**	**8,322,476**	**(717,049)**	20,803,202
Tambahan geran		1,195,806	-	-	1,195,806
Pelunasan geran		(270,077)	-	-	(270,077)
Penyelenggaraan infrastruktur		(207,207)	-	-	(207,207)
Realisasi rezab penilaian aset		-	(267,020)	267,020	-
Kurangan bersih bagi tahun semasa		-	-	(54,890)	(54,890)
Pada 31 Disember 2010		**13,916,297**	**8,055,456**	**(504,919)**	21,466,834
2011					
Pada 1 Januari					
- Seperti yang dinyatakan dahulu		**13,923,897**	**8,322,476**	**(644,223)**	21,602,150
- Pelarasan tahun dahulu		(7,600)	(267,020)	139,304	(135,316)
- Seperti yang dinyatakan semula		**13,916,297**	**8,055,456**	**(504,919)**	21,466,834
Tambahan geran		2,867,146	-	-	2,867,146
Pelunasan geran		(67,914)	-	-	(67,914)
Realisasi rezab penilaian aset	23	-	(64,395)	64,395	-
Pelarasan tahun semasa		(16,005)	-	-	(16,005)
Kurangan bersih bagi tahun semasa		-	-	(31,520)	(31,520)
Pada 31 Disember 2011		**16,699,524**	**7,991,061**	**(472,044)**	24,218,541

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

	Nota	2011 RM'000	2010 RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI			
Penerimaan Tunai Daripada Kerajaan		41,942	1,495
Pembayaran Tunai Kepada Pekerja Dan Belanja Pentadbiran		(3,095)	(1,495)
Sewa Di Terima		4,100	5,048
Belanja Berkaitan Sewa		(7,767)	(3,077)
Pelbagai Penerimaan		217	68
Deposit Diterima (Liabiliti)		322	127
Bayaran Deposit (Aset)		(2,653)	-
Faedah Diterima		733	250
Penghasilan Tunai Bersih Daripada Aktiviti Operasi		33,799	2,416
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN			
Pembelian Aset		(3,400)	(376)
Pelupusan Aset Tetap		35	200,208
Kerja – kerja dalam pelaksanaan		(4,488)	(2,954)
Tunai Bersih Daripada Aktiviti Pelaburan		(7,853)	196,878
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN			
Pemberian Pinjaman Kepada Kakitangan		-	(55)
Bayaran Balik Pinjaman Oleh Kakitangan		21	17
Tunai Bersih Daripada Aktiviti Pembiayaan		21	(38)
Lebihan/(Kurangan) Bersih Tunai Dan Kesetaraan Tunai		25,967	199,256
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada Awal Tahun		210,608	11,352
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tahun	10	**236,575**	210,608

1. MAKLUMAT UMUM

1.1 Kegiatan Utama

Kegiatan utama Perbadanan ini adalah untuk mengurus, mentadbir dan menyelenggara semua aset, liabiliti dan hak Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu yang telah dipindahmilik kepada Perbadanan Aset Keretapi, melalui Akta Keretapi 1991 (Akta 463) dan juga membangunkan infrastruktur keretapi.
Tiada sebarang perubahan penting dalam kegiatan-kegiatan utama ini disepanjang tahun.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING

2.1 Asas Perakaunan

Penyata kewangan Perbadanan telah disediakan berdasarkan konvensyen kos sejarah dan mematuhi Piawaian Laporan Perakaunan Entiti Persendirian (PERS) yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB). Penyediaan penyata kewangan ini mengkehendaki para pengarah membuat anggaran-anggaran perakaunan kritikal dan andaian-andaian yang memberi kesan tehadap jumlah aset dan liabiliti yang dilaporkan dan pendedahan terhadap semua aset dan liabiliti luar jangka pada tarikh penyata kewangan dan jumlah perolehan dan perbelanjaan yang dilaporkan dalam tahun tersebut. Para pengarah juga dikehendaki untuk menggunakan penilaian mereka dalam proses melaksanakan polisi-polisi perakaunan Perbadanan. Keputusan sebenar mungkin berbeza kerana andaian-andaian dan penilaian-penilaian yang dibuat adalah berdasarkan kepada pengalaman dan pengetahuan para pengarah tentang isu-isu semasa.

Pada 31 Disember 2011, liabiliti semasa Perbadanan telah melebihi aset semasa Perbadanan sebanyak RM883.8 juta. Perbadanan telah mengalami kerugian bersih sebanyak RM31.5 juta dalam tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2011. Kemampuan Perbadanan untuk beroperasi secara berterusan bergantung kepada bantuan kewangan daripada pihak Kerajaan Persekutuan.

Pihak Perbadanan menerima peruntukan geran mengurus daripada pihak Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) untuk membayar kos operasi Perbadanan. Pihak Perbadanan juga menerima geran daripada MOT untuk bayaran balik pinjamannya kepada Kerajaan Persekutuan menerusi peruntukan yang telah ditetapkan. Selain itu, Pengarah Perbadanan yakin bahawa pihak Kerajaan Persekutuan akan terus memberikan bantuan kewangan dalam bentuk geran kepada pihak PAK untuk membolehkan PAK beroperasi secara usaha berterusan.

2.2 Tukaran Matawang

Urusniaga dalam matawang asing disepanjang tempoh telah ditukarkan kepada Ringgit Malaysia berdasarkan kadar pertukaran yang menghampiri kadar berkuatkuasa pada tarikh urusniaga. Aset-aset dan tanggungan matawang asing bersifat kewangan pada tarikh lembaran imbangan telah dinilai kepada Ringgit Malaysia pada kadar yang berkuatkuasa pada tarikh itu. Semua keuntungan atau kerugian pertukaran telah diambilkira dalam Penyata Pendapatan.

2. **DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (sambungan)**

2.3 **Tunai dan Setara Tunai**

Semua tunai dan setara tunai merupakan wang simpanan Perbadanan di dalam bank samada akaun semasa atau simpanan tetap.

2.4 **Nilai Aset Terjejas**

Pada tarikh Lembaran Imbangan, Perbadanan mengkaji semula nilai buku aset apabila terdapat petanda yang menunjukkan nilai aset terjejas. Kejejasan ini dikira dengan membandingkan nilai dibawa aset dengan amaun pemulihan semula aset. Amaun pemulihan semula aset adalah nilai lebih tinggi antara nilai bersih yang direalisasikan dan nilai penggunaannya, yang ditetapkan mengikut kaedah aliran tunai terdiskaun masa hadapan.

Kerugian di atas nilai aset terjejas akan dicajkan terus ke penyata pendapatan. Penambahan semula nilai berikutnya di dalam jumlah pemulihan semula aset akan diambil kira dengan pelarasan balik jumlah rugi kejejasan aset terdahulu dan hanya diambil kira sehingga nilai buku bersih aset yang telah ditetapkan dimana seolah-olah tiada rugi atas nilai aset terjejas yang telah dikenalpasti. Pelarasan semula kerugian nilai aset terjejas atas penilaian aset dikreditkan terus ke penyata pendapatan.

2.5 **Instrumen-instrumen Kewangan**

Instrumen-instrumen kewangan diiktiraf dalam lembaran imbangan apabila Perbadanan telah menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen. Instrumen-instrumen kewangan dikelaskan sebagai liabiliti atau ekuiti selaras dengan pengaturan kontrak. Faedah, dividen dan laba dan kerugian berkaitan dengan instrumen kewangan dikelaskan sebagai liabiliti, dilaporkan sebagai perbelanjaan atau pendapatan. Instrumen-instrumen kewangan diseimbangkan apabila Perbadanan mempunyai hak boleh dikuatkuasakan secara sah untuk mengimbangkan dan berhasrat untuk menyelesaikan sama ada atas dasar bersih atau untuk merealiskan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

(i) Tunai dan Setara Tunai

Bagi tujuan penyata aliran tunai, tunai dan setara tunai termasuk dalam tandan dan di bank dan deposit pada panggilan yang mempunyai risiko tidak ketara dalam perubahan nilai, bersih daripada overdraf bank belum dijelas.

(ii) Penghutang

Penghutang dinyatakan pada nilai boleh direalis dijangka. Hutang lapuk dihapus kira apabila dikenal pasti. Anggaran akan dibuat bagi hutang ragu berdasarkan semakan ke atas semua jumlah belum dijelaskan pada tarikh lembaran imbangan.

(iii) Pemiutang

Pemiutang dinyatakan pada kos yang merupakan nilai saksama balasan untuk dibayar pada masa hadapan bagi barangan dan perkhidmatan diterima.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (sambungan)

2.6 Kerja-Kerja Dalam Pelaksanaan

Kerja-kerja dalam pelaksanaan merupakan projek-projek infrastruktur keretapi dan projek pembangunan yang dilaksanakan oleh Perbadanan yang mana kosnya dibiayai oleh Kerajaan yang masih belum siap sepenuhnya semasa penyata ini disediakan. Ianya diakaunkan sebagai kerja-kerja dalam pelaksanaan apabila kontraktor projek yang berkaitan membuat tuntutan pembayaran kemajuan. Apabila proses mempermodalkan dijalankan, sebahagian dari amaun kerja-kerja dalam pelaksanaan ini akan ditukar menjadi aset tetap mengikut jenis aset-aset yang berkenaan. Walaubagaimanapun tidak semua kerja-kerja dalam pelaksanaan dipermodalkan, sebahagian pula akan diakaunkan sebagai belanja penyelenggaraan infrastruktur.

2.7 Permodalkan Aset Tetap

Kerja-kerja dalam proses dipermodalkan apabila aset-aset berkenaan siap sepenuhnya mengikut kontrak yang dibuat kecuali dalam kes-kes yang tertentu. Bagi aset-aset yang dibeli, hanya aset kos seunit RM3,000.00 atau lebih akan dianggap sebagai aset tetap. Aset-aset yang dinilai kurang RM3,000.00 akan dianggap sebagai belanja dan direkodkan dibawah inventori.

2.8 Penyelenggaraan Infrastruktur

Penyelenggaraan infrastruktur adalah kerja-kerja penyelenggaraan besar infrastruktur keretapi sedia ada termasuk pengukuhan dan penambahbaikan infrastruktur tersebut. Dalam keadaan biasa kos penyelenggaraan yang dibiayai oleh Kerajaan akan dimasukkan ke dalam kerja-kerja pelaksanaan. Ianya akan dikira sebagai belanja apabila sesuatu projek penyelenggaraan itu tamat.

2.9 Pinjaman Jangka Pendek

Pinjaman Jangka Pendek merupakan jumlah tunggakan Pinjaman Jangka Panjang dan Bahagian Pinjaman Jangka Panjang yang perlu dibayar dalam tempoh 12 bulan. Jumlah Pinjaman Jangka Panjang ditolak jumlah ini menjadikan baki Pinjaman Jangka Panjang kelihatan rendah.

2.10 Geran Dan Pelunasan Geran

Geran Operasi yang diterima untuk operasi Perbadanan diambilkira sebagai pendapatan manakala Geran Kerajaan diterima untuk pembiayaan aset dan penyelenggaraan infrastruktur dikira sebagai pendapatan tertunda. Pelunasan geran bagi aset-aset tetap dilunaskan mengikut hayat aset manakala bagi penyelenggaraan infrastruktur apabila kerja-kerja penyelenggaraaan tersebut dikira sebagai belanja. Geran yang diterima berbentuk waran pembayaran balik pinjaman Kerajaan Persekutuan diiktiraf mengikut pendekatan iaitu diiktiraf sebagai pendapatan geran di Penyata Pendapatan.

3. LIABILITI KONTIGENSI

3.1 Pinjaman EDB Singapura yang diambilalih oleh Perbadanan telah luput cara pembayarannya. Pada masa itu, pinjaman masih berbaki SGD4,046,022.00. Cara pembayaran pinjaman tersebut adalah bagi setiap satu tan barangan yang dibawa melalui jajaran Jurong bayaran SGD1 dibayar kepada EDB. Jajaran Jurong sudah tidak digunakan lagi.

4. ASET-ASET DAN SUSUTNILAI

4.1 Sebelum tahun 2005 Aset Tetap telah dinyatakan pada kos ditolak susutnilai terkumpul. Pada tahun 2005 Perbadanan telah menilai semula aset-aset tetap PAK dengan menetapkan nilai pada masa itu dan baki usia guna aset-aset berkenaan itu pengiraan susutnilai tahunan. Perbadanan menggunakan nilai-nilai baru ini bermula tahun 2006.

4.2 Susutnilai tidak diperuntukkan bagi semua jenis tanah milik bebas dan tanah rizab. Bagi kesemua aset yang lain, susutnilai diperuntukkan mengikut kaedah garis lurus supaya memansuhkan kos atau nilai setiap aset disepanjang anggaran hayat kegunaannya. Susutnilai aset dikira dari bulan ianya diperolehi atau dipermodalkan.

4.3 Anggaran hayat kegunaan aset-aset tetap PAK seperti berikut :-

	Jumlah Tahun
Grading dan Terowong	99
Jambatan dan Pembentong	99
Landasan	60
Yad Atur	60
Semboyan dan Komunikasi	33
Bangunan	50
Sistem Elektrifikasi	25
Logi & Jentera	25
Kenderaan Keretapi	20
Kenderaan Jalan Raya	10
Sistem Tiket	10
Ubahsuai pejabat	10
Komputer	3
Peralatan dan Kelengkapan Pejabat	5
Peralatan Latihan	5

4.4 Pada tahun 2005 Perbadanan menjalankan proses penilaian semula aset-aset tetap Perbadanan. Selepas proses penilaian semula aset-aset Perbadanan, sewa aset-aset yang masih ada nilai, disusutnilaikan berdasarkan nilai baru dan anggaran usia guna baru yang diberikan oleh jurunilai yang menilai aset-aset Perbadanan.

4.5 Aset-aset yang diperolehi selepas penilaian semula direkodkan mengikut kos perolehan dan disusutnilaikan secara garis lurus berdasarkan usia guna seperti yang dinyata dalam nota 4.3.

4.6 Pada masa ini, aset-aset infrastruktur keretapi milik Perbadanan digunakan oleh satu pelanggan sahaja. Sekiranya syarikat tersebut ditutup dan aset-aset infrastruktur ini dijual, kemungkinan besar Perbadanan tidak mendapat pulangan menyamai dengan nilai buku bersih (kecuali tanah dan bangunan), sebaliknya Perbadanan akan mendapat nilai harga barang lusuh sahaja.

4.7 Oleh kerana aset-aset infrastruktur keretapi selalu diselenggara (*major atau minor*), penjejasan aset adalah rendah dan mencukupi dengan susutnilai tahunan yang dikenakan ke atas aset-aset tersebut.

5. SEWA DARI HARTA

5.1 Hasil sewa dari harta merupakan pendapatan sewaan ke atas tanah-tanah dan aset-aset di atas tanah hak milik dan tanah rezab keretapi. Hasil sewa yang direkodkan adalah di kutip oleh Perbadanan.

5.2 Hasil sewa dari harta direkodkan berdasarkan prinsip perakaunan terakru.

5.3 Sebahagian dari perjanjian sewa tanah-tanah keretapi ditandatangani di antara penyewa dan KTMB. Hasil dari sewaan-sewaan ini dikutip terus dan diakaunkan oleh KTMB.

6. FAEDAH KEPADA AHLI LEMBAGA DAN KAKITANGAN

6.1 PAK tidak membuat bayaran kepada ahli-ahli lembaga dan kakitangan PAK kecuali apa-apa yang layak kepada mereka berdasarkan lantikan dan arahan-arahan Kerajaan.

6.2 PAK tidak pernah membuat apa-apa kontrak bagi mana-mana pihak kakitangan atau ahli lembaga PAK. PAK juga tidak pernah dalam keadaan yang mengetahui memasuki mana-mana kontrak atau perjanjian bagi menguntungkan mana-mana ahli lembaga atau kakitangan PAK.

6.3 Ahlli Lembaga PAK tidak dibayar pencen oleh PAK. Manakala bagi kakitangan yang memilih opsyen pencen, PAK mencarum ke dalam Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) setiap bulan, manakala bayaran pencen kakitangan dibuat oleh kumpulan wang tersebut apabila mereka pencen.

7. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

2011 Kos	Pada 1.1.2011 (Dinyatakan Dahulu) RM'000	Pelarasan Tahun Lalu RM'000	Pada 1.1.2011 (Dinyatakan Semula) RM'000	Permodalan	Tambahan RM'000	Pelupusan RM'000	Pada 31.12.2011 RM'000
Tanah – Freehold	715,761	-	715,761	-	-	-	715,761
Tanah - Lease Hold	345,428	-	345,428	-	-	(48,875)	296,553
Tanah – Reserve	7,383,978	-	7,383,978	-	-	(15,520)	7,368,458
Grading	443,930	-	443,930	-	-	-	443,930
Terowong	99,280	-	99,280	-	-	-	99,280
Landasan & Yad	622,702	15,679	638,381	-	-	-	638,381
Jambatan	515,852	-	515,852	-	-	-	515,852
Pembetong	211,053	-	211,053	-	-	-	211,053
Semboyan & Komunikasi	71,373	-	71,373	-	-	-	71,373
Bangunan	377,547	-	377,547	-	3,400	-	380,947
Loji & Jentera	118,837	-	118,837	-	-	-	118,837
Sistem Tiket	9,921	-	9,921	-	-	(3)	9,918
Kenderaan Jalanraya	431	-	431	-	-	(171)	260
Kenderaan Keretapi	270,755	-	270,755	240,000	-	-	510,755
Komputer	550	-	550	-	-	-	550
Kelengkapan Pejabat	126	735	861	-	-	(3)	858
Sistem Elektrifikasi	145,019	-	145,019	-	-	-	145,019
Perabot dan Lengkapan dari besi	11	-	11	-	-	-	11
Alat Lengkapan Elektronik yang lain	33	-	33	-	-	-	33
Ubahsuai Pejabat	-	2,271	2,271				2,271
	11,332,587	18,685	11,351,272	240,000	3,400	(64,572)	11,530,100

7. **HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (samb.)**

2011 Susutnilai terkumpul (sambungan)	Pada 1.1.2011 (Dinyatakan Dahulu) RM'000	Pelarasan Tahun Lalu RM'000	Pada 1.1.2011 (Dinyatakan Semula) RM'000	Susut Nilai Semasa RM'000	Susut Nilai Pelupusan RM'000	Pelarasan RM'000	Pada 31.12.2011 RM'000
Grading	105,115	(747)	104,368	4,484	-	-	108,852
Terowong	56,221	(167)	56,054	1,003	-	-	57,057
Landasan & Yad	216,560	(1,133)	215,427	10,661	-	-	226,088
Jambatan	231,456	(814)	230,642	5,162	-	-	235,804
Pembetong	106,136	(355)	105,781	2,131	-	-	107,912
Semboyan & Komunikasi	36,653	(361)	36,292	2,163	-	-	38,455
Bangunan	167,236	(1,401)	165,835	7,590	-	-	173,425
Loji & Jentera	26,010	(339)	25,671	5,191	-	-	30,862
Sistem Tiket	9,921	-	9,921	-	(3)	-	9,918
Kenderaan Jalanraya	180	(6)	174	81	(140)	-	115
Kenderaan Keretapi	83,241	4,744	87,985	25,537	-	-	113,522
Komputer	189	(5)	184	132	-	-	316
Kelengkapan Pejabat	119	36	155	149	(3)	-	301
Sistem Elektrifikasi	85,543	(967)	84,576	5,801	-	-	90,377
Perabot dan Lengkapan dari besi	0.2	-	0.2	2.2	-	-	2
Alat Lengkapan Elektronik yang lain	0.9	-	0.9	10.8	-	-	11
Ubahsuai Pejabat	-	57	57	227	-	-	284
	1,124,581	(1,458)	1,123,123	70,325	(146)	-	1,193,301

7. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (samb.)

2010 Kos	Pada 1.1.2010 (Dinyatakan Dahulu) RM'000	Pelarasan Tahun Lalu RM'000	Pada 1.1.2010 (Dinyatakan Semula) RM'000	Permodalan RM'000	Tambahan RM'000	Pelupusan RM'000	Pada 31.12.2010 RM'000
Tanah – Freehold	1,010,905	-	1,010,905	-	-	(295,144)	715,761
Tanah - Lease Hold	345,428	-	345,428	-	-	-	345,428
Tanah – Reserve	7,383,978	-	7,383,978	-	-	-	7,383,978
Grading	443,930	-	443,930	-	-	-	443,930
Terowong	99,280	-	99,280	-	-	-	99,280
Landasan & Yad	622,702	15,679	638,381	-	-	-	638,381
Jambatan	496,065	-	496,065	-	19,787	-	515,852
Pembetong	211,053	-	211,053	-	-	-	211,053
Semboyan & Komunikasi	71,373	-	71,373	-	-	-	71,373
Bangunan	372,777	-	377,547	-	4,770	-	377,547
Loji & Jentera	74,858	-	74,858	-	43,979	-	118,837
Sistem Tiket	9,921	-	9,921	-	-	-	9,921
Kenderaan Jalanraya	431	-	431	-	-	-	431
Kenderaan Keretapi	270,755	-	270,755	-	-	-	270,755
Komputer	218	-	218	-	332	-	550
Peralatan & Kelengkapan Pejabat	126	-	126	735	-	-	861
Sistem Elektrifikasi	145,019	-	145,019	-	-	-	145,019
Perabot dan Lengkapan dari besi	-	-	-	-	11	-	11
Alat Lengkapan Elektronik yang lain	-	-	-	-	33	-	33
Ubahsuai Pejabat	-	-	-	2,271	-	-	2,271
	11,563,589	15,679	11,579,268	3,006	64,142	(295,144)	11,351,272

7. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (sambungan)

2010 Susutnilai terkumpul (sambungan)	Pada 1.1.2010 (Dinyatakan Dahulu) RM'000	Pelarasan Tahun Lalu RM'000	Pada 1.1.2010 (Dinyatakan Semula) RM'000	Susut Nilai Semasa RM'000	Susut Nilai Pelupusan RM'000	Pelarasan	Pada 31.12.2010 RM'000
Grading	100,631	-	100,631	4,484	-	(747)	104,368
Terowong	55,218	-	55,218	1,003	-	(167)	56,054
Landasan & Yad	206,161	338	206,499	10,661	-	(1,733)	215,427
Jambatan	226,478	-	226,478	4,978	-	(814)	230,642
Pembetong	104,004	-	104,004	2,132	-	(355)	105,781
Semboyan & Komunikasi	34,491	-	34,491	2,162	-	(361)	36,292
Bangunan	159,687	-	159,687	7,549	-	(1,401)	165,835
